



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT

# Laporan Tahunan

Annual Report

# 2019



**Melahirkan dan Membangunkan  
Masyarakat Yang Lebih Kondusif**

Building and Developing A More Conducive Society

# Kandungan

## Contents

Laporan Tahunan 2019 Annual Report

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND  
COMMUNITY DEVELOPMENT**

No 55, Persiaran Perdana Presint 4,  
62100 Putrajaya, MALAYSIA.

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)  
[info@kpwkm.gov.my](mailto:info@kpwkm.gov.my)  
[twitter.com/kpwkm](http://twitter.com/kpwkm)  
[www.facebook.com/kpwkm](http://www.facebook.com/kpwkm)

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording, or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher, except in the case of brief quotations embodied in critical reviews and certain other noncommercial uses permitted by copyright law.

### Seulas Pinang

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

### Message from the Secretary General

Ministry of Women, Family and  
Community Development

**2**

Vlisi, Misi dan Matlamat  
Vision, Mission and Goal

**4**

Objektif  
Objectives

**4**

Piagam Pelanggan  
Client Charter

**5**

Carta Organisasi  
Organizational Chart

**6**



# Laporan Prestasi 2019

## Performance Report 2019


09	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik <i>Policy and Strategic Planning Division</i>
15	Bahagian Hubungan Antarabangsa <i>International Relations Division</i>
45	Bahagian Pembangunan <i>Development Division</i>
53	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia <i>Human Resource Management Division</i>
71	Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Management Services Division</i>
89	Bahagian Pengurusan Maklumat <i>Information Management Division</i>

97	Bahagian Akaun <i>Accounts Division</i>
121	Bahagian Kolaborasi Strategik <i>Strategic Collaboration Division</i>
135	Unit Penasihat Undang-Undang <i>Legal Advisory Unit</i>
139	Unit Komunikasi Korporat <i>Corporate Communication Unit</i>
147	Unit Integriti <i>Integrity Unit</i>
151	Unit Audit Dalam <i>Internal Audit Unit</i>

## Jabatan/Agensi di Bawah KPWKM

### Departments / Agencies under KPWKM

163	Jabatan Kebajikan Masyarakat <i>Department of Social Welfare</i>
167	Jabatan Pembangunan Wanita <i>Department of Women Development</i>
189	Institut Sosial Malaysia (ISM) <i>Social Institute of Malaysia (ISM)</i>
197	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) <i>National Population and Family Development Board (LPPKN)</i>
205	Yayasan Kebajikan Negara <i>National Welfare Foundation</i>



# Seulas Pinang

## ***Message from the Secretary General***

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**Ministry of Women, Family and Community Development**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**  
**Salam Sejahtera,**

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinNya jua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan 2019 bertema "Malahirkan dan Membangunkan Masyarakat Yang lebih Kondusif". Laporan ini bukan sahaja memaparkan pelbagai pencapaian kementerian bersama Jabatan dan Agensi tetapi juga sebagai wadah kementerian yang sentiasa menjadi peneraju utama bagi mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang serta sejahtera untuk mewujudkan sebuah negara maju yang lebih baik dan kondusif.

Tahun 2019, KPWKM bersama Jabatan dan Agensi secara bersepadu dalam menyampaikan perkhidmatan sosial kepada pelbagai lapisan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat terlaksana. Sekalung tahniah kepada semua warga KPWKM, Jabatan dan Agensi yang telah banyak mengembangkan usaha tanpa henti dan jemu dalam melaksanakan peranan kementerian ke arah mencapai matlamat membentuk masyarakat yang sejahtera dan kondusif.

Penglibatan kementerian di peringkat antarabangsa juga telah memberi inspirasi kepada KPWKM

*All praises are to Allah, the Merciful, the All-Beneficent, by whose Grace and Blessings have enabled the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) to successfully publish this Annual Report 2019 with the theme of "Building and Developing A More Conducive Society ". This report not only presents the multitudes of achievements of the Ministry along with our Departments and Agencies, but it also serves as a platform for the Ministry to showcase ourselves as a champion of gender equality, of family development and of a caring and affluent society in our continuous work to further advance a conducive Malaysia.*

*In 2019, KPWKM, together with our Departments and Agencies, in our efforts to ensure society well-being and prosperity, have brought social service delivery and implementation to the forefront by reaching out to the different spheres of society. Congratulations to everyone in KPWKM along with those in our Departments and Agencies that have shown relentless effort and have given their all in performing the roles of the ministry towards achieving our goals of building and developing a prosperous and conducive society.*

*As the Ministry, Departments and Agencies strengthen our international networking, we have*

**“Sekalung tahniah kepada semua warga KPWKM, Jabatan dan Agensi yang telah banyak mengembangkan usaha tanpa henti dan jemu dalam melaksanakan peranan kementerian ke arah mencapai matlamat membentuk masyarakat yang sejahtera dan kondusif.”**

*“Congratulations to everyone in KPWKM along with those in our Departments and Agencies that have shown relentless effort and have given their all in performing the roles of the ministry towards achieving our goals of building and developing a prosperous and conducive society.”*

### **YBhg. Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin**

**Ketua Setiausaha  
Secretary General**

Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
*Ministry of Women, Family and  
Community Development*



bersama Jabatan dan Agensi untuk merangka aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada kumpulan sasar tersebut di peringkat akar umbi melalui penganjuran program pada masa kini dan hadapan agar seajar dengan keperluan semasa masyarakat.

Akhir kata, menjadi harapan kementerian warga KPWKM dapat bersama-sama kepimpinan untuk mempergiatkan usaha dengan penuh komitmen menumpukan keperluan kumpulan sasar seperti wanita, keluarga dan Masyarakat. Semoga penerbitan Laporan Tahunan kali ini menjadi sumber rujukan dan hebahan maklumat kepada umum dalam meningkatkan pengetahuan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan di bawah KPWKM.

*also been able to learn, adopt, adapt, and formulate programs and initiatives beneficial to targeted grassroots communities in line with the local needs and circumstances.*

*The whole Ministry workforce is committed in serving women, families, and the society with the strong guidance and will from our leaders. We hope that this Annual Report will be a source of reference and through it, knowledge on KPWKM will be disseminated to the public.*

# Visi

## Vision



**Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.**

*A champion of gender equality, of family development and of a caring and affluent society in our continuous work to further advance Malaysia as an affluent nation.*

# Misi

## Mission



**Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkuatkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.**

*To ensure that gender, family and community perspectives are incorporated into the mainstream of development of the nation while strengthening the family institution and improving social welfare.*

# Matlamat

## Goal



**Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.**

*Nurture a prosperous society through strategic partnerships with the support of an efficient and effective social service delivery.*

# Objektif

## Objectives

**1 Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara.**  
*To elevate the participation and role of women as active contributors to the development of the nation and to also reap its benefits.*

**2 Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi.**  
*To impartially protect and fairly uphold the rights of women, family and community with no discrimination.*

**3 Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.**  
*To extend equal social, economical and political rights to women in the community.*

**4 Memantapkan institusi keluarga.**  
*To strengthen the family institution.*

**5 Memastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.**  
*To ensure efficient and effective delivery and support system is in place.*

# Piagam Pelanggan

## Client Charter

**Masa Menunggu Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Di Kaunter**  
*Waiting Time at Service Counter*

**Kami akan melayan anda dalam masa LIMA BELAS (15) minit anda tiba di kaunter perkhidmatan kami.**  
*We will serve you within FIFTEEN (15) minutes upon your arrival at our counter.*

**Pengurusan Aduan/ Pertanyaan**  
*Management of Complaints/ Queries*

**Kami akan mengakui penerimaan aduan/pertanyaan anda dalam tempoh SATU (1) hari bekerja;**  
*We will acknowledge receipt of your complaint/enquiries within ONE (1) working day;*

**Kami akan memberi maklumbalas terhadap aduan/pertanyaan anda dalam tempoh TIGA (3) hari bekerja.**  
*We will provide response to your complaint/enquiries within THREE (3) working days.*

**Bayaran Pembekal**  
*Payment to Suppliers*

**Kami akan memproses bayaran anda (setelah dokumen lengkap) dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja.**

*We will process your payment (with complete document submission) within FOURTEEN (14) working days.*

**Pendaftar Kaunselor**  
*Registration of Counsellors*


**Kami akan memproses pendaftaran anda (semua dokumen lengkap) dalam tempoh TIGA PULUH (30) hari bekerja.**

*We will process your registration (with complete document submission) within THIRTY (30) working days.*



# Carta Organisasi

## Organizational Chart





**Jabatan / Agensi**  
Department / Agency

**Bahagian / Unit Bertaraf Bahagian**  
Division / Unit

# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

***Policy and Strategic Planning Division***



## KAJIAN DWO DWO RESEARCH

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah melantik bahawa Institut Sosial Malaysia (ISM) sebagai agensi pelaksana bagi tiga kajian iaitu:

1. Kajian Peluang Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia;
2. Kajian Mengenai Sistem Sokongan Kepada Penjaga OKU di Malaysia; dan
3. Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian yang dilaksanakan di bawah Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMK-11).

### **Kajian Peluang Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia**

Perunding yang dilantik adalah IIUM Entrepreneurship & Consultancy Sdn. Bhd. (IECSB). Tempoh kajian ini adalah selama sepuluh (10) bulan dan akan tamat pada Mac 2020. Lawatan penandaarasan telah dibuat ke United Kingdom dan Thailand bagi tujuan perbandingan amalan terbaik dalam penyediaan ekosistem dan persekitaran untuk guna tenaga kerja OKU di negara-negara tersebut. Beberapa sesi *Focus Group Discussion (FGD)* juga telah dijalankan mengikut zon bertujuan mengumpul data dari pihak-pihak berkepentingan. Menerusi kajian ini, satu pelan tindakan berkaitan penggajian dan guna tenaga OKU akan diwujudkan. Di samping itu, satu konsep pangkalan data berpusat mengenai pekerjaan bagi golongan OKU akan turut disediakan.

### **Kajian Mengenai Sistem Sokongan Kepada Penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia**

Perunding yang dilantik adalah Aupa Intelligence Sdn. Bhd. Tempoh kajian ini adalah selama sepuluh (10) bulan dan akan tamat pada Mac 2020. Lawatan penandaarasan telah dibuat ke New Zealand bagi tujuan perbandingan amalan terbaik berkaitan sistem sokongan penjaga OKU di negara tersebut. Beberapa sesi *Focus Group Discussion (FGD)* turut

*The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) has designated the Social Institute of Malaysia (ISM) as the implementing agency for three studies:*

1. *Study on Job Opportunities for Persons with Disabilities in Malaysia;*
2. *Study on Support System for Caregivers of Persons with Disabilities in Malaysia; and*
3. *Diagnostic Study to Develop a Sustainable Model for Integrated Long-Term Aged Care in Malaysia. This study was conducted under the Fourth Rolling Plan, Eleventh Malaysia Plan (RP4, RMK-11).*

### **Study on Job Opportunities for Persons with Disabilities in Malaysia**

*IIUM Entrepreneurship & Consultancy Sdn. Bhd. (IECSB) has been appointed to carry out this study. The duration of this study is ten (10) months and expected completion is by March 2020. A benchmarking visit was made to the United Kingdom and Thailand with the purpose of comparing best practices for the employment of disabled people in those countries. Focus Group Discussions (FGD) in several regions were also conducted to collect data from stakeholders. Through this study, a plan of action regarding employment and disability will be established. In addition, a centralized job database for the disabled will also be developed.*

### **Study on Support System for Caregivers of Persons with Disabilities in Malaysia**

*Aupa Intelligence Sdn. Bhd. is the appointed consultant to carry out this study. The ten-month study is expected to complete by March 2020. To learn from best practices of the support system for caregivers of persons with disabilities in New Zealand, a benchmarking visit was made there. Regional Focus Group Discussions were held with stakeholders.*

dijalankan mengikut zon bertujuan mengumpul data dari pihak-pihak berkepentingan. Menerusi kajian ini, penambahbaikan ke atas bantuan / program akan dapat dilaksanakan bagi memastikan keperluan penjaga OKU dapat dipenuhi secara berkesan.

- **FGD Zon Tengah – Putrajaya**  
*Central Region FGD - Putrajaya*



- **FGD Zon Sabah**  
*Sabah Region FGD*



*This study aims to achieve improvements to the current system in place for caregivers in the country.*

- **FGD Zon Sarawak**  
*Sarawak Region FGD*



### **Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu Dan Mampan Di Malaysia**

Perunding yang dilantik bagi kajian ini adalah UKM Pakarunding Sdn.Bhd. Tempoh kajian ini adalah selama lapan belas (18) bulan bermula pada Mei 2019 dan akan selesai pada Mac 2020. Lawatan penandaarasan juga telah dibuat ke Australia bagi tujuan perbandingan amalan terbaik berkaitan sistem penjagaan warga emas di negara tersebut. Beberapa sesi *Focal Group Discussion (FGD)* turut dijalankan mengikut zon bertujuan mengumpul data dari pihak-pihak berkepentingan. Menerusi kajian ini, satu model penjagaan warga emas jangka masa panjang yang bersepadu dan mampan yang mengambil kira keperluan penjagaan di semua peringkat

### **Diagnostic Study to Develop a Sustainable Model for Integrated Long-Term Care Aged Care in Malaysia.**

The consultant selected for this study is UKM Consultant Sdn.Bhd. The duration of this study is eighteen (18) months beginning in May 2019 and will be completed by March 2020. A benchmarking visit has also been made to Australia for the purpose of comparing best practices related to the aged care system in the country. Several Focus Group Discussion (FGD) sessions were also conducted to collect the data from stakeholders. Through this study, an integrated and sustainable long-term care (LTC) model of senior citizens at all levels including hospitals, institutions, communities and homes will be developed. This in turn is aimed to enhance LTC

termasuk hospital, institusi, komuniti dan rumah akan dibangunkan. Pembangunan model LTC yang mampan dan bersepadu dapat meningkatkan kualiti dan kesediaan Long Term Care(LTC) kepada warga emas bagi menjamin kesejahteraan warga emas di Malaysia. Di samping itu, Kajian ini dapat membantu kerajaan dalam menangani kos penjagaan kesihatan dan kebijakan/ sosial yang semakin meningkat.

*quality and ensure its sustainability. In addition, this study can assist the government in handling the rising costs of health and social welfare.*

## **KAJIAN KANDUNGAN, PENDEKATAN DAN SKOP BAGI PEWUJUDAN SATU AKTA KHUSUS UNTUK WARGA EMAS DI MALAYSIA**

### **STUDY ON CONTENT, APPROACH AND SCOPE TO INTRODUCE AN ELDERLY ACT IN MALAYSIA**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang melaksanakan Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop Bagi Pewujudan Satu Akta Khusus Untuk Warga Emas Di Malaysia. UPUM Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai perunding kajian untuk melaksanakan kajian ini dalam tempoh 15 bulan. Bermula September 2019 dan dijangka akan selesai pada Disember 2020.

Secara umumnya, Kajian ini akan melihat keperluan menggubal satu rang undang-undang warga emas adalah selari dengan inisiatif kerajaan dalam menghadapi cabaran menuju kearah negara tua menjelang 2030.

*The Ministry of Women, Family and Community Development (MWFCD) is conducting a Study on Content, Approach and Scope to Introduce an Older Persons Act in Malaysia. The study will be carried out by UPUM Sdn. Bhd. within 15 months between September 2019 and December 2020.*

*This study will look into the merits of drafting a bill specifically for older persons in line with Malaysia becoming an Ageing Nation by 2030.*



> **Para peserta yang menyertai taklimat kajian kandungan, pendekatan dan skop Akta warga emas di Dewan Perdana Nur KPWKM**

*Participants in the Briefing on Study on Content, Approach and Scope to Introduce an Elderly Act in Malaysia held at Dewan Perdana Nur, KPWKM*



## MAKLUMAT PROJEK RINTIS AGE-FRIENDLY CITY @ TAIPING *INFORMATION ON AGE-FRIENDLY CITY @ TAIPING PILOT PROJECT*

30  
Oktober /  
October 2019

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPKWM) melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan United Nations Development Programme (UNDP), sedang melaksanakan projek Bandar Mesra Usia (*age-friendly city*) di mana bandar Taiping, Perak telah dipilih sebagai projek Rintis Age-Friendly City.

Majlis pelancaran projek ini oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 30 Oktober 2019 bertempat di Bandar Taiping.

Negeri Perak dijangka menjadi negeri tertua di Malaysia pada tahun 2020 apabila jumlah warga emas mencapai 385 ribu orang atau 14.9 peratus daripada jumlah penduduk yang diunjurkan seramai 2.6 juta. Oleh itu, projek rintis bagi mewujudkan bandar mesra usia di daerah terpilih Taiping adalah tepat pada masanya ke arah mewujudkan bandar yang mampan dan menepati keperluan setiap lapisan masyarakat dalam persediaan ke arah penuaan.

*Age-friendly city merupakan satu instrumen untuk menggabungkan peranan setiap individu dalam komuniti dan masyarakat setempat agar persekitaran*

*The Ministry of Women, Family and Community Development (MWFCDF) in collaboration with the Ministry of Economic Affairs (MEA) and the United Nations Development Program (UNDP), is embarking on an age-friendly city project. The Pilot Project is going to be in Taiping Perak.*

*The Project was launched by YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister and Minister of Women, Family and Community Development in a ceremony that was held on 30 October 2019 in Taiping.*

*Perak is expected to have the highest number of ageing population in 2020, with 14.9 percent of its 2.6 million population estimated to be older persons. Thus, the decision was timely for the pilot project to kick off in Taiping in preparing for the needs of an ageing community and to ensure a city that is age-ready and sustainable.*

*Age-friendly city is an instrument to incorporate the role of every individual in the community and the local community so that the living environment*

yang didiami adalah bebas halangan, selamat dan yang paling penting sekali mewujudkan sistem sokongan yang berkesan. Di samping itu dapat membantu dalam menurunkan kadar penyakit tidak menular (non-communicable disease) yang berkaitan dengan umur.

Secara umumnya, projek age-friendly city berpandukan kepada garis panduan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *World Health Organisation*. Lapan (8) aspek atau indikator yang saling berkait telah dikenalpasti seperti perumahan; sokongan komuniti dan perkhidmatan kesihatan; penyertaan sosial; penyertaan sivik dan pekerjaan; serta ruang luaran dan bangunan. Hasil daripada projek ini, satu kerangka menyeluruh kebangsaan akan dibangunkan bersesuaian dengan keperluan tempatan bagi memudahkan konsep age-friendly city diperluaskan ke bandar-bandar lain.

Age-friendly city ini tidak memfokuskan kepada aspek mesra warga emas semata tetapi juga memenuhi keperluan Orang Kurang Upaya, kanak-kanak, wanita, keluarga serta komuniti secara keseluruhan. Bandar mesra usia adalah bandar untuk semua.

#### > Majlis Pelancaran Projek Rintis Age-Friendly City @ Taiping

*Launching of Age-Friendly City @ Taiping Pilot Project*



*is safe, secure and most importantly provides an effective support system. Additionally, promoting healthier lifestyle among older persons and reducing age-related non-communicable diseases.*

*As its basis, age-friendly city projects are based on international guidelines issued by the World Health Organization (WHO). Eight (8) related indicators have been identified namely housing, community support, health services, social participation, civic participation, employment, outdoor space and buildings. As a result of this project, a comprehensive national framework will be developed to meet local needs to facilitate the concept of Age Friendly City to be expanded to other cities.*

*This concept does not focus solely on it being friendly to older persons, but also address the needs of the disabled, of children, of women, of families and also the community as a whole. Age-friendly cities are conducive cities for everyone.*

# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



## BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

***International Relations Division***



## UNIT ASEAN ASEAN UNIT

### PERSIDANGAN ASEAN SOCIAL WORK CONSORTIUM (ASWC) KE-8 DI PUTRAJAYA MARRIOT HOTEL, PUTRAJAYA 8<sup>th</sup> ASEAN SOCIAL WORK CONSORTIUM (ASWC) CONFERENCE, PUTRAJAYA MARRIOT HOTEL, PUTRAJAYA

**20-22**  
Ogos /  
August 2019

#### Tujuan/objektif

Persidangan ini bertujuan mengukuhkan rangkaian kerjasama di kalangan pengamal, pendidik dan institusi pengajian dalam bidang kerja sosial dan pembangunan masyarakat di rantau ASEAN. Persidangan ini juga merupakan platform yang ideal untuk membangunkan dan memantapkan aktiviti serta program yang berkualiti dalam bidang kerja sosial selain berkongsi amalan terbaik di kalangan negara anggota.

#### Hasil

1. Persidangan telah membincangkan pelbagai isu dan perkara berkaitan kerja sosial dan melapor status kemajuan Pelan Kerja ASWC 2016-2020.
2. Kerusi pengurus ASWC telah diserahkan dari Malaysia kepada Vietnam yang menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah ASWC ke-9 dan ke-10 pada tahun 2020 dan 2021.

- > **Sesi bergambar ketua delegasi dari negara anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN Heads of Delegation of ASEAN Member States and ASEAN Secretariat during the 8th ASWC Conference**

#### Aims and Objectives

The objective of the conference was to strengthen the cooperation and networking among stakeholders in ASEAN Member States in the field of social work. This conference was also an ideal platform for member states to share their best practices in the field of social work and to develop customised programmes/activities to be implemented under the ASWC work plan 2016-2020.

#### Topics of Discussion

1. The Conference discussed various issues and substantive matters pertaining to social work and continued with the progress status reporting of ASWC Work Plan 2016-2020.
2. The Chairmanship of the ASWC was handed over from Malaysia to Vietnam as Vietnam offered to host the upcoming 9th and 10th ASWC in 2020 and 2021.



- > Majlis Perasmian Persidangan ASWC Ke-8 yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, YBrs. Dr. Hishamuddin Bin Mohd Hashim. *Opening Ceremony of 8th ASWC Conference officiated by Deputy Secretary General (Strategic) YBrs. Dr Hishamuddin bin Mohd Hashim.*



- > Acara penyerahan kerusi pengurus ASWC dari Malaysia kepada Vietnam. *ASWC Chairmanship Handover from Malaysia to Vietnam.*



## **19<sup>th</sup> MEETING OF THE ASEAN COMMISSION ON THE PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN (ACWC), THE 18<sup>TH</sup> MEETING OF THE ASEAN COMMITTEE ON WOMEN (ACW) DAN MESYUARAT BERKAITAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

**19<sup>th</sup> MEETING OF THE ASEAN COMMISSION ON THE PROMOTION AND PROTECTION OF THE RIGHTS OF WOMEN AND CHILDREN (ACWC), THE 18<sup>TH</sup> MEETING OF THE ASEAN COMMITTEE ON WOMEN (ACW) AND RELATED MEETINGS, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

**7-12**

Oktoper /  
October 2019

### **Tema**

"Enriching Resilience of Young Women as Agents of Change"

### **Terdapat 4 mesyuarat utama iaitu:**

- i) Mesyuarat ACWC ke-19 pada 7-8 Oktober 2019;
- ii) Mesyuarat Konsultasi ACWC dan ACW ke-6 pada 9 Oktober 2019;
- iii) Mesyuarat ACW ke-18 pada 11 Oktober 2019; dan
- iv) Mesyuarat ACW+3 ke-11 pada 12 Oktober 2019.

### **Theme**

"Enriching Resilience of Young Women as Agents of Change"

### **There were 4 main meetings:**

- i) 19th ACWC on 7-8 October 2019;
- ii) 6th ACWC-AWC Consultation Meeting on 9 October 2019
- iii) 18th ACW Meeting on 11 October 2019;
- iv) 11th ACW+3 Meeting on 12 October 2019.

## Tujuan/objektif

Ahli mesyuarat bertukar pandangan serta berkongsi ilmu dan membincangkan isu-isu melibatkan promosi dan perlindungan hak wanita dan kanak-kanak dalam konteks ASEAN

## Topik perbincangan

1. Membincang dan memperakarkan Pelan tindakan dan deklarasi yang telah dirangka di peringkat ASEAN berkaitan hak wanita dan kanak-kanak
2. Pelaporan status kemajuan projek dan inisiatif di bawah Pelan Kerja ACWC 2016-2020 dan Pelan Kerja ACW 2016-2020 yang melibatkan KPWKM;
3. KPWKM memaklumkan komitmen terhadap projek dan inisiatif sedia ada dan akan dilaksanakan di bawah kedua-dua Pelan Kerja.

## > Sesi bergambar Ketua Delegasi negara anggota ASEAN semasa Mesyuarat ACWC Ke-19.

*Heads of Delegation of ASEAN Member States during the 19th ACWC Conference.*



## Aims and Objectives

The meeting aimed to exchange views and share knowledge as well as discuss issues related to the promotion and protection of the rights of women and children in the context of ASEAN

## Topics of Discussion

1. Discussed and agreed upon action plans and declarations drafted at ASEAN level with regards to the rights of women and children.
2. Update on projects and initiatives under ACWC Work Plan 2016-2020 and ACW Work Plan 2016-2020 involving KPWKM
3. KPWKM reiterated its commitments towards on-going and future projects and initiatives under the ACWC and ACW Work Plans.

# PERSIDANGAN ‘INTERNATIONAL CONFERENCE ON WOMEN LEADERS’ VOICES IN ASEAN DI MELAKA INTERNATIONAL CONFERENCE ON WOMEN LEADERS’ VOICES (ICWLV) IN ASEAN, MALACCA

23

Oktober /  
October 2019**Tema**

“Breaking it and Making it”

**Tujuan/objektif**

Membincangkan kepentingan memperkasakan peranan wanita dalam membuat keputusan di sektor awam dan swasta serta kekangan yang perlu diatasi bagi meningkatkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan.

**Topik Perbincangan**

Persidangan dibahagikan kepada 2 sesi utama iaitu

- i) Forum bersama ahli panel yang terdiri daripada ahli akademik, wakil NGO, pegawai kerajaan serta badan korporat untuk membincangkan penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan; dan
- ii) Bengkel bersama peserta bagi membincangkan amalan terbaik yang dilaksanakan di negara masing-masing.

**Hasil**

Laporan berkenaan jurang pendapatan, situasi wanita dalam sektor perniagaan dan kepimpinan, perbincangan berkenaan konsep Glass Ceiling, cabaran yang dihadapi serta cadangan untuk memecahkan stigma tersebut.

Antara cabaran yang dikenalpasti adalah:

- i) Diskriminasi dalam undang-undang dan dasar,
- ii) Stereotaip berdasarkan jantina,
- iii) Wanita melakukan lebih banyak pekerjaan yang tidak dibayar berbanding lelaki, di dalam isi rumah maupun perniagaan keluarga

Antara cadangan yang diutarakan untuk memecahkan stigma tersebut adalah:

- i) menyemak dan menilai semula undang-undang serta polisi yang menguatkuasakan stereotaip gender, diskriminasi terhadap wanita, menguatkan dasar bagi menamatkan keganasan berdasarkan gender;

**Theme**

“Breaking it and Making it”

**Aims and Objectives**

*The conference aimed to discuss the importance of empowering women in decision making positions in both public and private sectors as well as the obstacles to be overcome to increase women’s involvement as decision makers.*

**Topics of Discussion**

*The conference was divided into 2 main sessions which were*

- i) Forum sessions with panellists such as academics, NGOs, government officials and corporate bodies to discuss women’s involvement as decision makers; and*
- ii) Workshops with participants to share their best practices in empowering women.*

**Outcomes**

*Reported on income gaps, women in business and leadership, discussion on Glass Ceiling concept and its challenges and suggestions to break the stigma.*

*Among the challenges identified were:*

- i) Discrimination in laws and policies;*
- ii) Gender-based stereotypes; and*
- iii) Women do more unpaid work than men, both in the household and in family businesses*

*Among the recommendations to break the stigma were:*

- i) to review and revision of laws and policies that reinforce gender stereotypes and discrimination against women; and to strengthen policies to end gender-based violence;*

- ii) menetapkan kuota jantina bagi peringkat pengurusan tertinggi atau pembuat keputusan; dan
  - iii) meningkatkan kesedaran terutamanya para pemimpin lelaki serta masyarakat umum akan kelebihan penglibatan kaum wanita sebagai pemimpin.
- ii) set up quotas for leadership positions; and
  - iii) raise evidence-based awareness of male leaders and the public on the benefits of having women at leadership positions.

**> Sesi bergambar peserta-peserta dari negara anggota ASEAN dan Sekretariat ASEAN.**  
*ASEAN ICWLV participants with the ASEAN Secretariat.*



- > Majlis Perasmian Persidangan International Conference on Women Leaders' Voices in ASEAN yang telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato' Junaidah Binti Kamarruddin**  
*Keynote Speech by YBhg. Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin during the ICWLV ASEAN*



- > **Sesi forum bersama ahli panel.**  
Forum panelists during ICWLV ASEAN.



## **10<sup>th</sup> ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (AMMSWD) DAN MESYUARAT BERKAITAN DI VIENTIANE, LAO PDR**

**10<sup>th</sup> ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SOCIAL WELFARE AND DEVELOPMENT (AMMSWD) AND RELATED MEETINGS, VIENTIANE, LAO PDR**

**18-22**

**November / November 2019**

### **Tema**

"Strengthening Social Protection for Vulnerable Children in ASEAN"

### **Terdapat 5 mesyuarat utama iaitu:**

- i) Forum ASEAN GO-NGO on Social Welfare and Development ke-14, 18 November 2019;
- ii) Mesyuarat Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD) ke-15, 19-20 November 2019;
- iii) Mesyuarat SOMSWD+3 ke-14, 20 November 2019;
- iv) Mesyuarat AMMSWD ke-10, 21 November 2019; dan
- v) Mesyuarat AMMSWD+3 ke-6, 22 November 2019.

### **Tujuan/objektif**

AMMSWD merupakan mesyuarat di peringkat Menteri yang diadakan setiap 3 tahun sekali dengan kehadiran Menteri-Menteri ASEAN yang memegang portfolio kebijakan dan pembangunan sosial. Mesyuarat bertujuan menetapkan hala tuju strategik mengenai kerjasama serantau ASEAN dalam bidang kebijakan dan pembangunan sosial serta mengambil maklum terhadap program/projek/aktiviti di bawah badan sektorale SOMSWD dan ACWC.

### **Theme**

"Strengthening Social Protection for Vulnerable Children in ASEAN"

### **There were 5 main meetings:**

- i) 14<sup>th</sup> ASEAN GO-NGO Forum on Social Welfare and Development on 18 November 2019;
- ii) 15<sup>th</sup> Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD) on 19-20 November 2019;
- iii) 14<sup>th</sup> SOMSWD+3 on 20 November 2019;
- iv) 10<sup>th</sup> AMMSWD on 21 November 2019; and
- v) 6<sup>th</sup> AMMSWD+3 on 22 November 2019.

### **Aims and Objectives**

AMMSWD is a Ministerial -level meeting held every 3 years in the presence of ASEAN Ministers holding the portfolio of social welfare and development. The meeting aims to set the strategic direction of ASEAN regional cooperation in the areas of social welfare and development as well as to take note on programs, projects and activities under SOMSWD and ACWC sectoral bodies.

## Topik Perbincangan

1. Membincang dan memperakarkan pelan tindakan dan deklarasi yang telah dirangka di peringkat ASEAN berkaitan kebajikan dan pembangunan sosial
2. Pelaporan status kemajuan projek dan inisiatif di bawah Rangka Kerja Strategik SOMSWD 2016-2020 yang melibatkan KPWKM
3. KPWKM memaklumkan komitmen terhadap projek dan inisiatif sedia ada dan akan dilaksanakan di bawah badan sektoral SOMSWD
4. KPWKM mengambil maklum komitmen Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat AMMSWD ke-11 dan AMMSWD+3 ke-7 pada tahun 2022

## Hasil

Mesyuarat telah memuktamadkan Kenyataan Bersama (*Joint Statement*) oleh menteri-menteri AMMSWD yang menegaskan komitmen ASEAN untuk terus mengerakkan transformasi kebajikan dan pembangunan sosial terutamanya kumpulan sasar seperti orang kurang upaya, wanita dan kanak-kanak.

- **Barisan menteri-menteri yang menghadiri Mesyuarat AMMSWD Ke-10.**  
ASEAN Ministers during the 10th AMMSWD Meeting.




## Topics of Discussion

1. Discussion and agreement of ASEAN level action plans and declarations with regards to social welfare and development
2. Updates on projects and initiatives under the SOMSWD 2016-2020 involving KPWKM
3. KPWKM reiterated its commitments towards on-going and future projects and initiatives under the SOMSWD Sectoral Bodies
4. KPWKM reaffirmed its commitment to host the 11th AMMSWD and 7th AMMSWD+3 meetings in 2022

## Outcomes

At the end of the meeting, a Joint Statement of the 10th AMMSWD was adopted by the AMMSWD Ministers reaffirming commitment of ASEAN members to further transform social welfare and development, especially to targeted groups such as persons with disabilities, women and children.

- > YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin selaku Ketua Delegasi bagi menghadiri Mesyuarat AMMSWD ke-10 dan AMMSWD+3 pada 21-22 November 2019.  
*YBhg. Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin the Malaysian Head of Delegation for the 10th AMMSWD and AMMSWD+3 meetings on 21-22 November 2019*



## UNIT SERANTAU DAN DUA HALA REGIONAL AND BILATERAL UNIT

**LAWATAN KERJA OLEH TYT DESMOND LEE,  
MENTERI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KELUARGA  
DAN MENTERI KEDUA PEMBANGUNAN NEGARA,  
SINGAPURA**

**WORKING VISIT BY HE DESMOND LEE, MINISTER OF  
SOCIAL AND FAMILY DEVELOPMENT AND SECOND  
MINISTER OF NATIONAL DEVELOPMENT, SINGAPORE**

**22-23**

**April /  
April 2019**

Penerangan oleh wakil Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik kepada Delegasi Singapura berkenaan latar belakang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seperti struktur kementerian, jabatan/agensi di bawah

*Representative of the Policy and Strategic Planning Division briefed the Singaporean delegates on the context of the ministry, such as structure, departments/agencies under the ministry, target groups and relevant legal framework under the*

KPWKM, kumpulan sasar dan akta yang berkaitan. Penerangan turut merangkumi inisiatif bagi kemudahan kumpulan sasar yang terdiri daripada wanita, kanak-kanak, keluarga, orang kurang upaya, warga emas, gelandangan dan mangsa bencana alam.

### **Sesi penerangan diteruskan dengan pembentangan berikut:**

1. *Home Help, Job Coach dan Children Check* oleh wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
2. *Family and Community Empowerment (FACE)* oleh wakil Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di mana penekanan diberikan berkaitan kepentingan FACE dalam menghadapi *ageing society* pada 2030 dan usaha meningkatkan tahap kesedaran rakyat Malaysia melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti penyediaan *Family Impact Assessment (FIA)*; dan
3. *Family Based Care (FBC)* yang dibentangkan oleh wakil Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Konsep FBC sama seperti *Deinstitutionalisation (DI)* di mana kanak-kanak ditempatkan di bawah jagaan keluarga angkat dan bukan di insitusi-insitusi kanak-kanak.

- **Sesi Taklimat dan Pembentangan oleh YB Puan Hannah Yeoh kepada Delegasi Singapura.**  
*YB Puan Hannah Yeoh chairing the welcoming meeting for the Singaporean Delegation.*



*ministry's jurisdiction. The briefing also highlighted initiatives by the Ministry's initiatives for women, children, families, persons with disabilities, older persons, people without homes and victims of natural disasters*

### **The session included presentations from respective departments and agencies:**

1. *Home Help, Job Coach and Children Check* by the Department of Social Welfare (JKM);
2. *The importance of Family and Community Empowerment (FACE) program was highlighted by the National Population and Family Development Board (LPPKN). The efforts of preparing for being an aged nation by 2030 and increasing awareness among Malaysians through activities such as the Family Impact Assessment (FIA) were shared; and*
3. *Family Based Care (FBC) was presented by the Policy and Strategic Planning Division FBC has adopted a similar concept to Deinstitutionalization (DI) in which children are placed under the care of foster families and not in institutions. This approach was introduced to ensure that adequate attention and care is given to children to protect their health and well-being.*

- > Sesi pemberian cenderahati daripada TYT Desmond Lee kepada YB Puan Hannah Yeoh selesai Sesi Taklimat dan Pembentangan.

*YB Puan Hannah Yeoh and HE Desmond Lee, Singaporean Minister of Social and Family Development and Second Minister of National Development*



- > YB Puan Hannah Yeoh dan Pengurusan Tertinggi KPWK bergambar kenangan dengan Delegasi Singapura selepas Sesi Taklimat dan Pembentangan.

*YB Puan Hannah Yeoh and KPWK Top Management team with the Singaporean delegation.*



## **SESI KUNJUNGAN HORMAT OLEH YANG MULIA SHEIKHA MOZA NASSER, PENGERUSI QATAR FOUNDATION FOR EDUCATION, SCIENCE AND COMMUNITY DEVELOPMENT (QF) DAN EDUCATION ABOVE ALL (EAA) KE ATAS YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT COURTESY CALL BY HER HIGHNESS SHEIKHA MOZA NASSER, CHAIRPERSON OF THE QATAR FOUNDATION FOR EDUCATION, SCIENCE, AND COMMUNITY DEVELOPMENT (QF) AND EDUCATION ABOVE ALL (EAA) ON YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, DEPUTY PRIME MINISTER AND MINISTER OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT**

**30**  
April /  
April 2019

Yang Mulia Sheikha Moza Nasser mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di KPWK.

*Her Highness Sheikha Moza Nasser paid a courtesy call on YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister and Minister of Women, Family and Community Development.*

Sesi kunjungan hormat ini juga dihadiri oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan pendidikan yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian seperti wanita dan kanak-kanak.

Sesi kunjungan hormat disusuli dengan sesi mesyuarat antara Malaysia dan *Qatar Foundation for Education, Science and Community Development (QF)* dan *Education Above All (EAA)*.

*YB Dr. Maszlee Malik, Minister of Education, also attended the courtesy call to discuss issues pertaining to the education of target groups of the Ministry of Women, Family and Community Development, such as women and children.*

*The courtesy call was followed by an extended meeting between Malaysia and the Qatar Foundation for Education, Science and Community Development (QF) and Education Above All (EAA).*

➤ **Sesi Kunjungan Hormat oleh YM Sheikha Moza Nasser ke atas YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.**

*Courtesy Call By Her Highness Sheikha Moza Nasser on YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.*



➤ **Sesi menandatangani guest book oleh YM Sheikha Moza sambil disaksikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dan YB Dr. Maszlee Malik**

*Her Highness Sheikha Moza signing the KPWKM guestbook while witnessed by YAB Dato 'Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail and YB Dr. Maszlee Malik*



## **SESI KUNJUNGAN HORMAT OLEH PYT MARTA GABRIELLA MICHETTI, TIMBALAN PRESIDEN REPUBLIK ARGENTINA KE ATAS YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**COURTESY CALL BY HE MARTA GABRIELA MICHETTI, VICE PRESIDENT OF THE ARGENTINE REPUBLIC ON YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL, DEPUTY PRIME MINISTER AND MINISTER OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT**

3

Mei /  
May 2019

Tiga isu yang dibincangkan semasa sesi kunjungan hormat oleh PYT Marta Gabriella, Naib Presiden Republik Argentina ke atas YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail iaitu pemerkasaan wanita, orang kurang upaya (OKU) dan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak. Kedua-dua pemimpin turut bertukar-tukar pandangan mengenai cabaran dalam ketiga-tiga isu berkenaan.

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail telah menyatakan bahawa Malaysia berminat untuk mempelajari amalan terbaik daripada Kerajaan Argentina dalam mempromosikan pariti jantina (gender parity) di parliment.

*During the courtesy call, three topics were addressed during the courtesy call by HE Marta Gabriella, Vice President of the Republic of Argentina on YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, namely women empowerment, persons with disabilities and child care services.*

*During the courtesy call, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah affirmed Malaysia's interest to learn from the Republic of Argentina best practices in supporting parliamentary gender parity.*



**Argentina merupakan perintis dalam peningkatan penglibatan wanita dalam politik di mana pada 2017, kuota calon wanita dinaikkan daripada **33% ke 50%**.**

*The Republic of Argentina is considered to be a leader in encouraging women's political participation, with the quota for female candidates increase from **33% to 50%** in 2017.*

Malaysia telah berkongsi amalan terbaik negara dalam memperkasakan hak-hak OKU. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia menghadapi cabaran dalam pelaksanaan hak OKU dan berharap agar dapat mempelajari pengalaman pihak Argentina dalam perkara tersebut.

*Malaysia shared our national best practices and also challenges faced in protecting the rights of persons with disabilities while being open to learn about the steps taken by the Republic of Argentina to overcome similar issues.*

Dalam isu perkhidmatan penjagaan kanak-kanak pula, Malaysia menyatakan hasrat untuk bekerjasama dan berkongsi amalan terbaik kepada Republik Argentina mengenai Kursus Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak Genius.

*Regarding the issue of childcare facilities, Malaysia has expressed the aim of partnering and exchanging best practices with the Republic of Argentina on Early Childhood Care and Education courses in Genius. The two leaders also exchanged views on the challenges of protecting the rights of the disabled, as well as efforts to empower the target group.*

➤ **YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail bersama Naib Presiden Marta Gabriella menandatangani buku pelawat di KPWKM**

*YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah with the Vice President of the Republic of Argentina, HE Marta Gabriella Michetti*



➤ **Sesi bergambar bersama wakil Argentina dan wakil KPWKM.**

*KPWKM representatives and the Argentinian delegation.*



**PENYERTAAN DELEGASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT KE APEC WOMEN AND THE ECONOMY FORUM 2019 DI CHILE  
MINISTRY OF WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT DELEGATION PARTICIPATION TO 2019 APEC WOMEN AND THE ECONOMY FORUM IN CHILE**

**30 - September / September 2019**  
**4 Oktober / October 2019**

Delegasi Kementerian diketuai oleh YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha KPWKM telah menghadiri Mesyuarat APEC Women and the Economy Forum (WEF) di La Serena, Chile.

Mesyuarat yang diadakan setiap tahun ini penting bagi delegasi KPWKM dalam mengetengahkan isu dan hal-hal berkaitan dengan wanita dan ekonomi di platform rantau Asia Pasifik.

Mesyuarat ini meliputi tiga komponen iaitu Mesyuarat Kedua Policy Partnership on Women and the Economy (PPWE2), Public-Private Dialogue on Women and the Economy (PPDWE) dan High Level Policy Dialogue on Women and the Economy (HLPDWE).

Wakil KPWKM telah memberikan pembentangan berkenaan hala tuju APEC WEF 2020 di mana Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi tahun tersebut.

The KPWKM delegation to the APEC Women and the Economy Forum in La Serena, Chile was headed by Secretary General of the Ministry, YBhg. Dato' Dr. Junaidah Kamarruddin.

The annual meeting serves as a platform for Ministry delegates to highlight concerns and issues on women and the economy within the Asia Pacific region.

Selain itu, pada 16 hingga 18 November 2019, Bahagian Pembangunan bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Bahagian Khidmat Pengurusan telah mengurus Program Team Leadership dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) di Kota Kinabalu, Sabah. Bahagian Pembangunan bertanggungjawab menyelaras lawatan ke institusi-institusi dan mengurussetiakan MPT Bilangan 19 Tahun 2019.

On 16 to 18 November 2019, the Development Division together with the Human Resource Management and Management Services Divisions coordinated the Team Leadership Program that ran concurrently with KPWKM Top Management Meeting (MPT) at Kota Kinabalu, Sabah. The Development Division also coordinated visits to local institutions and was the secretariat for the MPT 19/2019.

- **Program Team Leadership Dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT).**  
*Team Leadership Program and Top Management Meeting.*



# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

***Human Resource Management Division***



## LAPORAN TAHUNAN UNIT PK ANNUAL PK UNIT REPORT

### MAJLIS JASAMU DIKENANG KPWKM MAJLIS JASAMU DIKENANG KPWKM

Dewan Perdana Nur, KPWKM  
Dewan Perdana Nur, KPWKM

**28**

Februari /  
February 2019

Majlis Jasamu Dikenang diadakan untuk meraikan pesara KPWKM bagi tahun 2018 sehingga Februari 2019. Majlis tersebut dirasmikan oleh YAB Menteri KPWKM dan dihadiri oleh 70 orang pesara serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Semua pesara menerima sijil penghargaan dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM400.00 sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Kementerian sepanjang perkhidmatan mereka.

#### > Majlis Jasamu Dikenang KPWKM Majlis Jasamu Dikenang KPWKM



KPWKM Majlis Jasamu Dikenang was held to celebrate KPWKM members of staff who went into retirement in 2018 until February 2019. The ceremony was officiated by YAB Minister and was attended by 70 retirees as well as senior officials of the Ministry.

All retirees each received a certificate of appreciation and a Premium Savings Certificate worth RM400 as a token of appreciation for their dedication and devotion throughout their service with the Ministry.



## LAPORAN TAHUNAN UNIT PP ANNUAL PP UNIT REPORT

### MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2018 EXCELLENT SERVICE AWARD (APC) CEREMONY 2018

Putra Hall A, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)  
*Putrajaya International Convention Centre*

4  
Mac/  
March 2019

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis APC Tahun 2018 telah diadakan pada 4 Mac 2019 ( Isnin ) di Putra Hall A, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya ( PICC ) untuk memberi penghargaan kepada warga KPWK yang telah menunjukkan komitmen dan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2018 dan mendorong semangat warga KPWK serta agensi di bawahnya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Pengajuran Majlis APC merupakan sebuah majlis tahunan yang diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ( KPWK ) serta agensi di bawahnya yang telah memberikan jasa dan sumbangan yang cemerlang.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- > **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018**  
Excellent Service Award (APC) Ceremony 2018



Excellent Service Award (APC) Ceremony was held on 4th March 2019 at Putra Hall A, Putrajaya International Convention Centre ( PICC ) to celebrate KPWK high performing staff members who have delivered quality service throughout 2018 and to reward the services and contributions of those who have demonstrated outstanding achievement and commitment to their entrusted responsibilities.

The ceremony was officiated by Deputy Prime Minister and KPWK Minister YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail.

Majlis APC ini juga turut meraikan seramai 644 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 yang terdiri daripada: Kementerian (22 orang), JKM (527 orang), LPPKN (70 orang), JPW (17 orang), ISM (7 orang) dan NIEW (1 orang). Semua penerima APC menerima Sijil Penghargaan dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-iPlus) bernilai RM 1,000.00.

A total of 644 staff of KPWKM were selected as APC recipients for 2018 consisting staff members of various divisions, departments, and agencies from all over Malaysia. All APC recipients took home a certificate of appreciation and Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-iPlus) worth RM1,000.00 as a token of appreciation for their outstanding and excellent performance.



## LAPORAN TAHUNAN UNIT PPsi ANNUAL PPsi UNIT REPORT

### **PROGRAM BICARA PSIKOLOGI 2019, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT BICARA PSIKOLOGI PROGRAM 2019**

Dewan Perdana Nur, KPWKM  
*Dewan Perdana Nur, KPWKM*

- BIL. 1    26 Februari / February 2019**
- BIL. 2    4 April/ April 2019**
- BIL. 3    3 Mei/May 2019**
- BIL. 4    1 Ogos/August 2019**
- BIL. 5    27 September/September 2019**

- Autisme: Di Sebalik Tabir Dunia Anak Syurga.  
Urus dan Urut Stress**
- Diet Mak-Mak**
- Wanita Wajib Beli Rumah**
- Dilema Pegawai Penilai, Konflik Pegawai Yang Dinilai**

Unit Pengurusan Psikologi telah menganjurkan program Bicara Psikologi; iaitu sebuah program perkongsian ilmu selama dua jam terdiri daripada lima tema psikologi yang berbeza dalam setiap sesi.

The PPsi Unit organized Bicara Psikologi program throughout 2019. It is a two-hour knowledge sharing session consisting of five different psychological themes for each session. Among

Keibubapaan, pengurusan kewangan, pengurusan tekanan, dan psikologi kesihatan adalah antara topik yang dibentangkan semasa sesi berlangsung. Penceramah undangan mengendalikan sesi perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat ini dengan baik.

*the topics of discussion were parenting, financial management, stress management, and health psychology. Esteemed speakers were invited to lead these sessions.*



## **PROGRAM PEMENTORAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM 2019 KPWK KPWK PUBLIC SERVICE MENTORING PROGRAM 2019**

Dewan Perdana Nur, KPWK  
*Dewan Perdana Nur, KPWK*

**9 -  
Mei/  
May 2019  
16  
Oktoper/  
October 2019**

Program ini dijalankan selama enam bulan. Peserta yang terlibat adalah daripada bahagian-bahagian yang berlainan dalam kementerian. Objektif utama Program Pemantoran adalah untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan yang tersirat dan

*This program ran for six months. Participants from different KPWK divisions were involved. The main objective of the Mentoring Program is to encourage knowledge sharing between a mentor (senior) and a mentee (junior). The selection of mentors*



tersurat antara seorang mentor (senior) dan seorang menti (junior). Pemilihan mentor adalah berdasarkan gred, pengalaman, dan kesediaan untuk membantu orang lain manakala pemilihan menti adalah berdasarkan kepada pegawai-pegawai baru yang dinaikkan pangkat dan pegawai baru dalam perkhidmatan awam. Program ini diakhiri secara rasmi dengan 18 peserta menerima sijil penghargaan yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Agung Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat bersempena dengan Hari Psikologi KPWKM 2019.

*was done based on specific criteria including seniority in current position, years of experience, and willingness to help others. Mentees were selected among newly promoted and new officers in the civil service. At the end of the program, all 18 participants received a certificate of appreciation conferred by the KPWKM Secretary General in a ceremony in conjunction with KPWKM Hari Psikologi 2019.*

## **PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISME AKRAB 2019 KPWKM AKRAB KPWKM PROFESSIONALISM ENHANCEMENT PROGRAM 2019**

Dewan Perdana Nur, KPWKM  
*Dewan Perdana Nur, KPWKM*

**23 - 24 April/April 2019**

**22 - 23 Oktober/October 2019**

**Program Bina Insan dan Pengukuhan Pasukan  
Music Therapy**

Program Peningkatan Profesionalisme AKRAB tahun 2019 telah diadakan sebanyak dua kali bagi tahun 2019. Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli AKRAB dalam dari semasa ke semasa. Program ini dikendalikan oleh penceramah profesional. Pada masa yang sama, program ini juga dilihat dapat membantu menyuntik tahap keyakinan diri dalam proses membantu rakan sekerja yang memerlukan.



*There were two sessions of professional enhancement program of AKRAB members in 2019. These two sessions were specially organized for AKRAB members to enhance their knowledge and to further develop their competencies. Professional speakers and practitioners were invited to conduct both sessions. These programs aimed to help AKRAB members to improve their confidence level in reaching out to assist KPWKM colleagues.*

**PROGRAM CORPORATE WELLNESS 2019**  
**“HEBATNYA BAHASA BADAN” KPWK**  
**KPWKM CORPORATE WELLNESS PROGRAM 2019**  
**“HEBATNNYA BAHASA BADAN”**

Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM  
Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM

**25-26**  
Mac/  
March 2019

Program ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kemahiran insaniah dan kecekapan dalam diri individu. Program ini menekankan kemahiran komunikasi bukan lisan yang menjadi aspek paling penting dalam menambah baik tahap keyakinan diri, terutamanya di hadapan khalayak ramai. Melalui kursus ini, peserta dapat mempelajari mengenai tingkah laku manusia termasuklah riak wajah, postur badan, bahasa isyarat, gerak mata, sentuhan dan penggunaan ruang.

*This program was initiated to enhance soft skills knowledge and competency among participants. By placing an emphasis on non-verbal communication skills. Throughout program, participants learned about body language including facial expressions, body posture, gestures, eye movement, touch and the use of space.*



## **PROGRAM OUTREACH PSIKOLOGI 2019 KPWKM**

### **KPWKM PSYCHOLOGY OUTREACH PROGRAM 2019**

**Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM**  
**Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM**

Program bulanan ini telah menjadi platform untuk mempromosikan perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang ditawarkan oleh Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPWKM. Selain itu, program-program ini juga diadakan bertujuan untuk mengurangkan stigma negatif dan meningkatkan tahap penerimaan di kalangan warga KPWKM. Program-program ini diselaraskan setiap bulan dan dilaksanakan sama ada dalam bentuk perbincangan kumpulan mengenai topik bebas atau perjumpaan secara bersemuka antara dua individu sahaja.



*This program runs on a monthly basis and is one of the platforms for PPsi Unit to promote the counselling services that we provide. This program was introduced as a means to reduce stigma of counselling and also to improve the level of acceptance among KPWKM staff members. Coordinated monthly sessions are either conducted in free topic group discussions or one-to-one sessions.*

**4**  
**Mac/  
March 2019**



## **HARI PSIKOLOGI KPWKM 2019**

### **“SEIRING CERIA, SEJAHTERA BERSAMA” KPWKM**

### **KPWKM PSYCHOLOGY DAY 2019**

**Auditorium Aras 7, KPWKM**  
**Auditorium Aras 7, KPWKM**

Program ini telah diadakan pada 24 Oktober 2019 bertempat di Auditorium Aras 7, KPWKM. Acara tahunan ini telah dirasmikan oleh YBhg, Dato' Ketua Setiausaha Kementerian. Matlamat penganjuran program ini adalah untuk mencetuskan kesedaran dan mempromosikan persekitaran psikologi yang sihat dalam kalangan

**24**  
**Oktobre/  
October 2019**

*The event took place on 24 October 2019 at Auditorium Aras 7, KPWKM. This annual event was officiated by the KPWKM Secretary General. This event aims to create awareness and to promote a healthy psychological environment. During the day, participants attended talks by two invited speakers who shared on their work-life balance*

warga KPWK. Semasa hari tersebut juga, para peserta turut diceriakan dengan sesi perkongsian ilmu berkaitan dengan keseimbangan kerjaya dan kehidupan serta bagaimana untuk mengekalkan energi positif di pejabat yang disampaikan oleh dua orang penceramah jemputan. Semasa program ini juga, para peserta turut dihiburkan dengan Music Therapy yang dipersembahkan oleh ahli AKRAB KPWK di bawah pimpinan Encik Mohd Zaki bin Sarpan, Pegawai Psikologi daripada Kementerian Luar Negara. Program ini diakhiri dengan upacara penyampaian sijil penghargaan dan anugerah yang disampaikan oleh YBhg, Dato' Ketua Setiausaha Kementerian kepada warga KPWK yang sentiasa menunjukkan komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada program psikologi yang dianjurkan.

*and how to enhance positive energy in the office. The KPWK's AKRAB team also performed Music Therapy, led by Encik Mohd Zaki bin Sarpan, Psychology Officer from the Ministry of Foreign Affairs. At the end of the event, the Secretary General awarded certificates of appreciation to KPWK staff members who have shown commitment and unconditional support to the improvement of psychology in the ministry.*



## LAPORAN TAHUNAN UNIT PTM ANNUAL PTM UNIT REPORT

### PROGRAM PENERAPAN NILAI - NILAI MURNI (IBRAH PERJALANAN KE LANGIT) INCULCATION OF MORAL VALUES PROGRAM (IBRAH PERJALANAN KE LANGIT)

Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM  
Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM

4  
Mac/  
March 2019

Program Penerapan Nilai-nilai Murni Siri 3 (Ibrah Perjalan Ke Langit) telah diadakan pada 3 April 2019 (Rabu) di Dewan Perdana Nur Aras B1, KPWKM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi penjelasan dan pendedahan mengenai pengajaran dan iktibar daripada perjalanan Rasulullah saw ke langit – Israk dan Mikraj) dan bagi meningkatkan penghayatan nilai-nilai murni ke arah memantapkan spiritual dan akhlak dalam kalangan penjawat awam. Ceramah ini disampaikan oleh YBhg. Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri - Mufti Wilayah Persekutuan. Seramai 183 Pegawai dan kakitangan dari Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah menghadiri program ini.

*The 3<sup>rd</sup> Series of the Inculcation of Moral Values program entitled Ibrah Perjalan Ke Langit was held on 3<sup>rd</sup> April 2019 (Wednesday) at the Dewan Perdana Nur, Level B1, KPWKM. The main aim of this program was to provide explanation and exposure regarding the lessons learnt from the night journey of the Prophet Muhammad (pbuh) in the events of Israk and Mikraj. In addition, this program was also to enhance the appreciation of moral values towards enhancing the spirituality and morality among KPWKM staff members. The talk was delivered by the Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri, Mufti of the Federal Territories. A total of 183 officers and staffs from the Ministry, departments and agencies attended the program.*



**PROGRAM PENERAPAN NILAI - NILAI MURNI  
“KELUARGA RAHMAH MENUJU JANNAH”  
INCULCATION OF MORAL VALUES PROGRAM  
“KELUARGA RAHMAH MENUJU JANNAH”**

Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWK  
Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWK

**18**  
Julai/  
July 2019

Program Penerapan Nilai – Nilai Murni Seminar Keluarga Sakinah “Keluarga Rahmah Menuju Jannah” telah di adakan pada 18 Julai 2019 (Khamis) bertempat di Dewan Perdana Nur, Aras B1,KPWKM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai tanggungjawab berkeluarga serta kaedah-kaedah yang boleh membantu bagi menjadi sebuah keluarga yang bahagia disamping menangani isu-isu semasa berkaitan keluarga. Ceramah ini disampaikan oleh Ustaz Ebit Liew dan Ustaz Bakhtiar Fitri. Seramai 400 orang pegawai dan kakitangan dari KPWK dan pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi yang telah menghadiri program ini.

*The Inculcation of Moral Values program entitled Seminar Keluarga Sakinah “Keluarga Rahmah Menuju Jannah” was held on 18<sup>th</sup> July 2019 (Thursday) at the Dewan Perdana Nur, Level B1, KPWK. The main aim of this program was to strengthen the knowledge regarding responsibilities in the family and methods that can help in becoming a happy family as well as addressing current issues relating to family. The talk was delivered by Ustaz Ebit Liew and Ustaz Bakhtiar Fitri. A total of 400 officers and staffs of KPWK and other ministries, departments and agencies have attended the program.*



## **PROGRAM PENERAPAN NILAI - NILAI MURNI SEMPENA MAAL HIJRAH (CERAMAH HIJRAH MENCARI REDHA ILAHI)**

**INCULCATION OF MORAL VALUES PROGRAM IN  
CONJUNCTION WITH MAAL HIJRAH (CERAMAH HIJRAH  
MENCARI REDHA ILAHI)**

**Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM**  
**Dewan Perdana Nur, Aras B1, KPWKM**

**27**  
**September/  
September 2019**

Program Penerapan Nilai – Nilai Murni Sempena Maal Hijrah (Ceramah Hijrah Mencari Redha Ilahi) telah diadakan pada 27 September 2019 (Jumaat) bertempat di KPWKM. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi penjelasan dan pemahaman mengenai Maal Hijrah dan juga bagi meningkatkan penghayatan nilai – nilai murni ke arah memantapkan spiritual dan akhlak dalam kalangan penjawat. Ceramah ini disampaikan oleh Ustaz Firdaus Wong Wai Hung. Seramai 93 orang Pegawai dan kakitangan dari KPWKM yang telah menghadiri program ini.

*The Inculcation of Moral Values program entitled Hijrah Mencari Redha Ilahi was held in conjunction with Maal Hijrah on 27<sup>th</sup> September 2019 (Friday) at MWFCD. The main aim of this program was to provide explanation and understanding of Maal Hijrah and to strengthen the appreciation of moral values towards enhancing the spirituality and morality of KPWKM staff members. The talk was delivered by Ustaz Firdaus Wong Wai Hung. A total of 93 officers and staffs of KPWKM attended the program.*



## KURSUS TEAM BUILDING DAN PENGUKUHAN JATI DIRI TEAM BUILDING AND STRENGTHENING OF SELF-ESTEEM PROGRAM

Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang  
*Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang*

**24-26**  
September/  
September 2019

Program Team Building Dan Pengukuhan Jati Diri telah diadakan pada 24 hingga 26 September 2019. Program ini telah diadakan selama tiga hari bertempat di Dusun Eco Resort, Pahang. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan jati diri, keyakinan diri dan semangat kerja berpasukan ke arah pembentukan budaya kerja yang cemerlang. Selain itu, program ini juga adalah untuk mengukuhkan penghayatan nilai-nilai murni dalam kebersamaan kerja berpasukan. Seramai 29 orang peserta telah mengikuti kursus ini.

The team building and strengthening of self-esteem program was held from 24 to 26 September 2019. The three-day program took place in the Dusun Eco Resort, Pahang. The aim of this program was to enhance participants' self-esteem, self-confidence and to encourage the spirit of teamwork towards establishing an excellent working culture. This program was also organized to increase appreciation of moral values and togetherness in a team. A total of 29 participants attended the program.



## KURSUS TEAM LEADERSHIP KHUSUS BAGI AHLI MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI KPWKM 2019 TEAM LEADERSHIP COURSE FOR THE KPWKM TOP MANAGEMENT 2019

Kundasang, Sabah  
*Kundasang, Sabah*

17  
November/  
November 2019

Kursus Team Leadership Bagi Pengurusan Tertinggi KPWKM telah diadakan pada 17 November 2019. Kursus ini telah diadakan selama 1 hari bertempat di Kundasang, Sabah. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memupuk gaya kepimpinan yang efektif dan membentuk pasukan yang berprestasi tinggi ke arah mencapai kecemerlangan organisasi. Seramai 34 pegawai yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Tertinggi telah mengikuti kursus ini.

*The Team Leadership Course was conducted on 17 November 2019 for the KPWKM Top Management. This one-day course was organized in Kundasang, Sabah. The aim of this course was to cultivate effective leadership styles and to build high-performing teams towards achieving organizational excellence. A total of 34 officers from the KPWKM Top Management participated in this course.*



## KURSUS SMART INSANI POWER ACTION KPWK SMART INSANI POWER ACTION COURSE

INTAN Wilayah Timur, Kemaman Terengganu  
INTAN Wilayah Timur, Kemaman Terengganu

**24-26**  
**September/**  
**September 2019**

Kursus Smart Insani Power Action KPWK 2019 telah diadakan pada 4 hingga 6 November 2019. Kursus ini telah diadakan selama 3 hari bertempat di INTAN Kampus Wilayah Timur, Kemaman Terengganu. Objektif kursus ini adalah untuk membentuk kefahaman mengenai perhubungan dan jaringan kerja, memperkuuhkan semangat kerja berpasukan, saling menghormati antara satu sama lain dan melonjakkan daya upaya kerja dalam organisasi. Seramai 29 orang peserta yang telah mendapat manfaat daripada kursus tersebut.

*KPWKM Smart Insani Power Action Course was held from 4 until 6 November 2019. This course was held for three days at the INTAN Eastern Region Campus in Kemaman, Terengganu. The objective of this course was to develop a better understanding of working relationship and networking, strengthening the spirit of a teamwork, respecting others, and driving high quality work in the organization. A total of 29 participants benefited from this course.*



## PROGRAM SPEAKER'S CORNER BAGI TAHUN 2019

### 2019 SPEAKER'S CORNER PROGRAM

**Lobi, KPWKM (Bersebelahan Bilik Runding Cara)**  
**Lobi, KPWKM (Bersebelahan Bilik Runding Cara)**

- **8 Januari/January 2019**
- **15 Februari/February 2019**
- **22 Mac/March 2019**
- **19 April/April 2019**
- **23 April/April 2019**
- **21 Jun/June 2019**
- **19 Julai/July 2019**
- **2 Ogos/August 2019**
- **6 September/September 2019**
- **11 Oktober/October 2019**
- **15 November/November 2019**

Program Speaker's Corner telah diadakan sebanyak 11 siri bermula pada 18 Januari 2019 dan berakhir pada 15 November 2019 bertempat di Lobi, KPWKM (bersebelahan Bilik Runding Cara). Program ini bertujuan menggalakkan pegawai dan kakitangan KPWKM untuk berkongsi pengetahuan, idea dan pandangan mengenai isu-isu sosial dan juga meningkatkan keyakinan diri dan jati diri. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk "Budaya Perkongsian Ilmu" sebagai sebahagian daripada inisiatif Pengurusan Pengetahuan di KPWKM.

A total of 11 series of The Speaker's Corner program has been successfully organized beginning on 18<sup>th</sup> January 2019 and ended on 15<sup>th</sup> November 2019. All the 11 series of Speaker's Corner have taken place at the lobby of KPWKM (adjacent to the Consultation Room). The aim of this program was to encourage KPWKM's officers and staffs to share knowledge, ideas and opinions on social issues as well as uplifting self confidence and self-esteem. In addition, this program was also meant to inculcate a "Knowledge Sharing Culture" as part of a Knowledge Management initiative in KPWKM.



## KURSUS HR COACHING BAGI TAHUN 2019

### 2019 HR COACHING COURSE

<b>HR Coaching Johor</b> Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Bahru, Johor	<b>23 - 25</b> <b>Januari/January 2019</b>
<b>HR Coaching Terengganu</b> Taman Sinar Harapan Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu	<b>19 - 21</b> <b>Februari/February 2019</b>
<b>HR Coaching Pahang</b> Bilik Latihan Tingkat 1, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Kuantan Pahang	<b>10 - 12</b> <b>April/April 2019</b>
<b>HR Coaching Sarawak</b> Dewan Serbaguna Pusat Pemulihian Samaranan, Kilometer 1, Jalan Datuk Muhammad Musa, Kuching Sarawak	<b>26 - 28</b> <b>Jun/June 2019</b>
<b>HR Coaching Kelantan</b> Dewan Teratai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Kota Darul Naim	<b>21 - 23</b> <b>Julai/July 2019</b>
<b>HR Coaching Kedah</b> Dewan Seminar, Tingkat 5 Bangunan KDN, Wisma Persekutuan Anak Bukit, Alor Setar, Kedah	<b>20 - 22</b> <b>Ogos/August 2019</b>
<b>HR Coaching Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya</b> Auditorium Institut Sosial Malaysia (ISM), Sungai Besi, Kuala Lumpur	<b>4 - 6</b> <b>September/September 2019</b>
<b>HR Coaching Melaka</b> Tingkat 8, Bilik Seminar Utc, Jalan Hang Tuah, Pusat Transformasi Bandar, Melaka.	<b>16 - 18</b> <b>Okttober/October 2019</b>

Kursus HR Coaching telah diadakan sebanyak 8 siri bermula pada 23 Januari 2019 dan berakhir pada 6 September 2019. Kesemua kursus ini telah diadakan di negeri-negeri yang terpilih (seperti senarai di atas). Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman berhubung urusan pengurusan sumber manusia, pentadbiran dan integriti serta memastikan kelemahan dan ketidakpatuhan di dalam urusan pentadbiran

The Human Resource Coaching Courses (HR Coaching) have been organized for 8 series starting on 23<sup>rd</sup> January 2019 and ended on 6<sup>th</sup> September 2019. All of these courses have been conducted at selected states (refer to the above list). The main objective of this course was to provide an understanding of the management of human resource, administration and integrity as well as to ensure the non-recurrence of weaknesses



dan pengurusan tidak berulang. Di samping itu juga, kursus ini memberi ruang atau platform bagi interaksi dua hala di antara pegawai dan kakitangan di peringkat ibu pejabat dan negeri.

*and non-compliance in administration and management matters. Furthermore, the purpose of this course was also to provide opportunities and serves as a platform for two-way interaction for officers and staffs at the headquarters and the states.*



# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

***Management Services Division***



## UNIT PENGURUSAN ASET, STOR DAN KENDERAAN ASSET, STORE AND VEHICLE MANAGEMENT UNIT

### MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JKPAK) KPWKM TAHUN 2019 *KPWKM GOVERNMENT ASSET MANAGEMENT COMMITTEE (JKPAK) MEETING 2019*

9  
Mei /  
May 2019  
6  
Ogos /  
August 2019

Mesyuarat JKPAK perlu diadakan empat (4) kali setahun selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan: Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan. Mesyuarat JKPAK ini diadakan bertujuan untuk membincang serta membentangkan isu – isu berkaitan pengurusan aset alih dan stor KPWKM serta Jabatan/ Agensi dibawahnya selain sebagai platform berkongsi amalan terbaik.

Pada tahun ini Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) KPWKM Tahun 2019 telah berjaya diadakan sebanyak 3 kali iaitu: Bilangan 4 Tahun 2018 pada 12 Februari 2019, Bilangan 1 Tahun 2019 pada 9 Mei 2019 dan Bilangan 2 Tahun 2019 pada 6 Ogos 2019.

*JKPAK Meetings should be held four (4) times a year in accordance with the Treasury Circular: Government Asset Management Procedures. The JKPAK meeting is held to discuss and present issues related to the management of the Movable Assets and Store Management of the Ministry (KPWKM), Departments & Agencies as well as a platform for sharing best practices regarding Movable Assets and Store management.*

*KWPKM JKPAK Meeting was held three times in 2019: Meeting 4/2018 was held on 12 February 2019, Meeting 1/2019 was held on 9 May 2019 and Meeting 3/2019 was held on 6 August 2019.*

### KURSUS PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN & PENGURUSAN STOR KPWKM *GOVERNMENT'S MOVABLE ASSETS AND STORE MANAGEMENT COURSE*

8-9  
April /  
April 2019

Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan & Pengurusan Stor KPWKM Siri 1/2019 8 & 9 April 2019 (Isnin-Selasa) Kursus ini telah diadakan selama 2 hari pada 8 & 9 April 2019 bertempat di Galeri Perpustakaan, Aras 3, KPWKM. Peserta kursus ini terdiri daripada 48 orang pegawai / kakitangan dari Kementerian (KPWKM), Jabatan dan agensi manakala penceramah ialah jemputan dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Puan Nazlina Ahmad. Tujuan utama pelaksanaan kursus ini ialah untuk menjelaskan peraturan berkaitan pengurusan aset alih dan stor Kerajaan dengan lebih mendalam kepada peserta kursus.


*This course was held for two (2) days on 8 and 9 April 2019 at Galeri Perpustakaan, Level 3, KPWKM. The participants of the course consisted of 48 staff members of KPWKM, and its departments and agencies. The speaker was Puan Nazlina Ahmad from The National Institute of Public Administration (INTAN). The main purpose of this course was to explain the rules and regulations relating to the management of the government's movable assets.*

**TAKLIMAT MODUL PEMERIKSAAN ASET ALIH KERAJAAN  
KEPADА PEGAWAI PEMERIKSAAN ASET ALIH**  
**BRIEFING ON THE GOVERNMENT MOVABLE ASSETS  
INSPECTION MODULE TO PEGAWAI PEMERIKSA ASET ALIH  
KERAJAAN KPWKM**

**24**  
**Julai /  
July 2019**

Taklimat Modul Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan kepada Pegawai Pemeriksaan Aset Alih yang Baru Dilantik (Lantikan Tahun 2019 hingga 2021) KPWKM Menggunakan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset telah diadakan pada 24 Julai 2019 (Rabu). Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Juliza Mohamad, Kementerian Kewangan Malaysia kepada semua Pegawai Pemeriksa Aset Alih Kerajaan di KPWKM yang baru dilantik bertempat di Makmal Komputer, Aras 34, KPWKM. Ia diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk melaksanakan pemeriksaan aset alih Kerajaan menggunakan SPPA selain mengelakkan sebarang masalah atau kesalahan semasa proses memasukkan data pemeriksaan ke dalam SPPA kelak.

- > **Taklimat Modul Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan kepada Pegawai Pemeriksaan Aset Alih**  
*Briefing on the Government Movable Assets Inspection Module to Pegawai Pemeriksa Aset Alih Kerajaan KPWKM.*



**UNIT KESELAMATAN DAN BANGUNAN  
BUILDING AND SAFETY UNIT**

**BENGKEL KESELAMATAN KEBAKARAN  
FIRE SAFETY WORKSHOP**

**19-20  
Mac /  
March 2019**

Kursus ini dijalankan selama 2 hari iaitu pada 19 dan 20 Mac 2019 di Galeri Perpustakaan Aras 3, KPWKM, Putrajaya dan Balai Bomba, Putrajaya. Ceramah ini telah disampaikan oleh Tuan Mohd

The course is held for 2 days on 19 and 20 March 2019 at the Level 3 Library Gallery, KPWKM, Putrajaya and the Fire Station, Putrajaya. The talk was delivered by Tuan Mohd Nazir bin Jaafar

Nazir bin Jaafar dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya kepada seramai 40 orang warga KPWKM. Objektif utama latihan ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengenalan Pasukan Keselamatan Kebakaran (PKK/ERP) dan pengenalan Pepasangan Keselamatan Kebakaran Bangunan (Praktikal) dan meningkatkan kesedaran warga KPWKM terhadap risiko dan bahaya kebakaran serta langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil untuk mengelakkannya. Secara keseluruhannya sesi ceramah ini telah dijalankan dengan baik dan lancar. Latihan pasukan keselamatan kebakaran yang dijalankan di Balai Bomba, Putrajaya adalah mengenai pengenalan tentang Asas Pertolongan Cemas dan menjalankan latihan amali untuk CPR, pencucian dan pembersihan luka, pembebatan dan pembalutan.

➤ **Bengkel Keselamatan Kebakaran pada 19 – 20 Mac 2019.**

*Fire Safety Workshop on 19 - 20 March 2019.*



*of the Putrajaya Fire and Rescue Department to 40 KPWKM members. The main objectives of the training are to provide exposure and introduction of the Fire Safety Team (PKK / ERP) and the introduction of the Building Safety (Practical) Fire Safety and increase awareness of KPWKM staff members on the risks and dangers of fire and preventive measures that can be taken to avoid them. Overall the talk session was smooth and successful. The training of fire safety teams conducted at the Fire Station, Putrajaya is about introducing the First Aid Basics and carrying out practical training for CPR, dressing and bandaging.*

## LATIHAN KEBAKARAN FIRE DRILL TRAINING

9

Ogos /  
August 2019

Latihan Kebakaran 9 Ogos 2019 Latihan kebakaran telah dijalankan pada 9 Ogos 2019 jam 9.47 pagi di bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Latihan ini telah melibatkan warga Kementerian/Jabatan/Agensi serta pelawat luar bersama pasukan Bomba dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya. Bilangan warga dan pelawat luar seramai 876 orang dan terdapat 13 orang kurang upaya. Hasil laporan daripada pihak Bomba adalah Baik.

*A fire drill training was conducted on August 2019 at 9.47am at KPWKM. This drill was conducted by the Putrajaya Department of Fire and Rescue station with all staff members and external visitors in the KPWKM building. Total number of fire drill attendees were 876 and 13 were persons with disabilities. The Fire and Rescue Department gave a result of GOOD for the whole exercise.*



➤ **Latihan Kebakaran pada 9 Ogos 2019.  
Fire Drill Training on 9 August 2019.**



## AUDIT PENGURUSAN KUALITI UDARA DALAMAN (IAQ) DI TEMPAT KERJA WORKPLACE INTERNAL AIR QUALITY (IAQ) MANAGEMENT AUDIT

1  
Julai /  
July 2019

Audit Pengurusan Kualiti Udara Dalaman (IAQ) di tempat kerja 1 Julai 2019 oleh JKPP adalah bertujuan mengenal pasti tahap pematuhan dan juga pelaksanaan pengurusan Kualiti Udara Dalaman (IAQ) di bangunan KPWKM. Audit ini juga selaras dengan keperluan Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

- > **Audit Pengurusan Kualiti Udara Dalaman (IAQ) di tempat kerja pada 1 Julai 2019.**  
*Workplace Internal Air Quality (IAQ) Management Audit on 1 July 2019.*



## INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM) SPECIAL SECURITY PROTECTION INSPECTORATE AT KPWKM

3-5  
September /  
September 2019

Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan ke atas 25 Kementerian bermula bulan Mac hingga Oktober 2019. Inspektorat ini merupakan tanggungjawab rutin Pejabat KPKK yang bertujuan untuk membantu meningkat dan memantapkan aspek keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan peribadi dan

The Office of the Chief Security Officer of the Government of Malaysia (KPKK), the Prime Minister's Office Department has implemented the Special Security Inspectorate Program for 25 Ministries from March to October 2019. The Inspectorate is a routine responsibility of the KPKK Office aimed at helping to improve and enhance aspects of physical security, document security, personal security and ICT security of Ministries and Government Agencies.

keselamatan ICT di Kementerian/Jabatan/Agenzia Kerajaan. Di samping itu, Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan juga adalah bagi mengiktiraf tadbir urus keselamatan perlindungan yang terbaik dalam Agensi Kerajaan dengan menguatkuaskan dan melaksana peraturan-peraturan keselamatan perlindungan secara konsisten dan berterusan.

**> Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pada 3-5 September 2019**

*Special Security Protection*

*Inspectorate at KPWK on 3-5 September 2019*



## UNIT PENGURUSAN REKOD RECORD MANAGEMENT UNIT

**MESYUARAT JAWATANKUASA  
PENGURUSAN REKOD KPWK  
RECORD MANAGEMENT COMMITTEE  
MEETING OF KPWK**

**28**

**Januari /  
January 2019**

12 November 2019 Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Khidmat Pengurusan dan ahli mesyuarat terdiri daripada Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) yang telah dilantik di setiap Bahagian/Unit. Mesyuarat ini diadakan sebanyak 2 kali setahun.

*The meeting is chaired by the Under Secretary, Management Services Division and the members of the committee are Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) who have been appointed to each Division / Unit. This meeting is held twice a year.*

## **SESI COACHING PENGGUNAAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI**

### **COACHING SESSION ON THE USAGE OF BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI**

**22****Februari /  
February 2019**

Sesi ini telah disampaikan oleh dua orang pegawai Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) iaitu Encik Syed Shahril bin Saad Zenal Abidin dan Encik Mohd Firdaus bin Hassim.

- **Penerangan oleh Encik Syed Shahril bin Saad Zenal Abidin daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO)**

*Knowledge sharing by Mr Syed Shahril bin Saad Zenal Abidin from Chief Government Security Office (CGSO)*



## **KURSUS PENGURUSAN REKOD RECORD MANAGEMENT COURSE**

**16-17  
April /  
April 2019**

Kursus Pengurusan Rekod, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 16-17 April 2019 bertempat di Bilik Latihan Aras 3, KPWKM. Seramai 27 orang peserta telah mengikuti kursus ini. Kursus tahunan ini diadakan bertujuan untuk memantapkan ilmu pengetahuan pegawai dan kakitangan KPWKM dan agensi mengenai peraturan dan tatacara pengurusan rekod yang terkini.

- **Peserta kursus bersama penceramah pada hari kedua iaitu Puan Maimunah binti Osman**  
*The participants with second day speaker, Ms. Maimunah binti Osman*



*Record Management Course, Ministry of Women, Family and Community Development was held on 16 and 17 April 2019 at Level 3 Training Room, KPWKM. A total of 27 participants participated in this course. This annual course is intended to enhance the knowledge of the officers and staff of the Ministry and agencies on the latest records management procedures.*

- **Peserta kursus sedang mendengar taklimat daripada penceramah.**  
*The participants are listening to briefings from the speakers.*



## BENGKEL PELUPUSAN REKOD RECORD DISPOSAL WORKSHOP

30

September /  
September 2019

Bengkel Pelupusan Rekod, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 30 September 2019 bertempat di Bilik Latihan Aras 3, KPWK. Seramai 42 orang peserta telah mengikuti bengkel ini. Bengkel ini dilaksanakan bertujuan untuk memantapkan ilmu pengetahuan pegawai dan kakitangan KPWK dan agensi mengenai tatacara pelupusan rekod awam berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa menggunakan borang permohonan pelupusan rekod yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.

- **Peserta bengkel sedang melaksanakan Latih Amal Pelupusan Rekod.**  
*The participants are conducting Record Disposal Training.*
- **Peserta bengkel sedang mendengar taklimat mengenai Pelupusan Rekod Awam.**  
*Workshop participants are listening to the Public Record Disposal briefing.*

*Record Disposal Workshop, Ministry of Women, Family and Community Development was held on 30 September 2019 at Level 3 Training Room, KPWK. A total of 42 participants attended the workshop. The workshop was aimed at strengthening the knowledge of KPWK officers and staff on public records disposal procedures in accordance with regulations in force using the records disposal application form set by the National Archives of Malaysia.*



## UNIT PARLIMEN PARLIAMENTARY UNIT

### KEURUSETIAAN PARLIMEN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN YANG DIBANGKITKAN DALAM MESYUARAT DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA PADA PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

### **PARLIAMENTARY SECRETARIAT FOR QUESTIONS RAISED IN THE HOUSE OF REPRESENTATIVES AND THE SENATE MEETINGS DURING THE SECOND SESSION OF FOURTEENTH PARLIAMENT**

Tahun  
Year  
**2019**

Mesyuarat pada Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas bagi tahun 2019 telah bersidang sebanyak enam kali iaitu tiga kali mesyuarat untuk Dewan Rakyat dan tiga kali mesyuarat untuk Dewan Negara. Jumlah sebanyak 233 pertanyaan telah dijawab oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Selain itu, YAB Menteri serta YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah menjawab isu-isu berbangkit semasa sesi Perbahasan Titah Diraja dan Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara sepanjang Penggal Kedua ini.

Bahagian Khidmat Pengurusan selaku Urus setia Parlimen KPWKM telah mengaturkan taklimat-taklimat kepada YAB Menteri serta YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan

A total of 233 questions have been answered by KPWKM during the 14th Parliamentary session. In addition, the YAB Minister and YB Deputy Minister have also responded to issues arising during the Royal Address by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong session and the Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020.

The Management Services Division, as KPWKM's Parliamentary Secretariat has coordinated briefings to the YAB Minister and YB Deputy Minister on KPWKM's answers for parliamentary questions and



Masyarakat mengenai jawapan Parlimen bagi pertanyaan-pertanyaan di Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan teks-teks ucapan bagi sesi penggulungan. Tujuan taklimat ini adalah untuk memberi penerangan lebih lanjut serta memurnikan jawapan atau teks ucapan YAB Menteri dan YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebelum dijawab dalam Dewan.

*also for penggulungan texts on debated issues. The purpose of the briefings are to provide in-depth information and ensure that all parties are synchronized in before tabling to the Dewan.*



## UNIT INOVASI PENYELARASAN DAN KEURUSSETIAAN COORDINATION AND SECRETARIAL INNOVATION UNIT

### SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2019M CELEBRATION OF NATIONAL MAULIDUR RASUL YEAR 1441H/2019M

9

November /  
November 2019

Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan tahun 1441H/2019M anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diadakan pada 9 November 2019M bertempat di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Majlis ini tutut diserikan dengan kehadiran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Turut hadir YAB PM dan YAB TPM serta lain-lain kenamaan. Antara aktiviti sambutan adalah perarakan kontinjen, selawat, persembahan khas dan juga penyampaian Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan tahun 2019.

*Celebration of National Maulidur Rasul year 1441H/2019M organised by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) was held on 9 November 2019M at Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. The event was graced by the presence of Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong and Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Also present at the celebration are YAB PM and YAB TPM and other dignitaries. The celebration was packed with many activities such as contingent parades, selawat, Islamic performances and also special award presentation to the recipients*

➤ **Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2019M**  
*Celebration of National Maulidur Rasul year 1441H/2019M*



**SAMBUTAN HARI 3I KPWKM  
 (INOVASI, INTEGRITI DAN IT)**  
**CELEBRATION OF HARI 3I KPWKM  
 (INNOVATION, INTEGRITY AND ICT)**

**5**  
**November /**  
**November 2019**

Sambutan ini yang bertemakan HARI 3i: Rahsia Kekal Relevan merupakan inisiatif murni yang dilaksanakan oleh KPWKM yang mana ia menggabungkan 3 sambutan hari berlainan dalam satu program iaitu Hari Inovasi, Hari ICT dan Hari Integriti. Pendekatan ini merupakan salah satu kaedah kreatif dalam melaksanakan tugas kerana ia menjimatkan masa, tenaga dan sumber kewangan. Antara objektif sambutan ini adalah memperkasakan kreativiti dan inovasi melalui pembangunan pemikiran inovatif dan idea yang realistik dan memupuk sistem sokongan yang mampan bagi mewujudkan faedah bersama melalui penghasilan atau penciptaan produk mahupun perkhimatan yang berimpak tinggi dengan kos rendah serta berdaya saing dan berdaya tahan. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang sambutan ini adalah pameran produk inovasi, ICT Awareness Talk, Kuiz 3i, Pertandingan Ciptaan Inovasi, Pertandingan siapa Cepat Dia Dapat dan Pertandingan Dikir Barat Integriti.

*Hari 3i was celebrated with the theme “Rahsia Kekal Relevan” is actually a combination of 3 different events in a one-day program. The three events are Innovation Day, ICT Day, and Integrity Day. This approach is a creative approach in saving time, energy, and financial resources. The objectives of the celebration include the empowerment of creativity and innovation through the development of innovative thinking and realistic ideas and fostering a sustainable support system to create mutual benefits through the production and creation of high impact service while maintaining low-cost and competitiveness. Some of the activities held during Hari 3i are namely an exhibition of innovation products, ICT awareness talk, 3i quiz, innovation and creativity challenge, Siapa Cepat Dia Dapat competition and Dikir Barat Integrity.*



## LAWATAN PENANDA ARAS EKSA KPWKM KPWKM'S EKSA BENCHMARKING TOUR

13

Disember /  
December 2019

Lawatan ini telah disertai oleh 75 orang terdiri daripada 3 buah Kementerian dan Agensi yang berbeza iaitu daripada Depot Simpanan Pertahanan, Kementerian Pertahanan Malaysia (MOD), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 13 Disember 2019. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi serta menambah ilmu dalam membaiki lagi pengalaman EKSA serta sebagai panduan kepada semua warga kerja Kementerian dan Agensi masing-masing. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBrs. Puan Anis Rizana, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM.

75 people from 3 different ministries and agencies were involved in the visit on 13 December 2019. The participants include those from the Defence Storage Depot, Ministry of Defense Malaysia (MINDEF), Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) and National Housing Department, Ministry of Housing and Local Government (KPKT). The visit was aimed as a knowledge sharing platform for the respective participants from various ministries and agencies. YBrs. Pn. Anis Rizana, Deputy Secretary General (Operations) delivered the welcoming speech to all the participants.



## UNIT PERPUSTAKAAN LIBRARY UNIT

### ANUGERAH PEMBACA BUKU TERBANYAK AWARD FOR HIGHEST NUMBER OF BOOKS READ

Tahun  
Year  
**2019**

Pemberian Sijil penghargaan kepada Pembaca Buku Terbanyak di Perpustakaan KPWKM adalah salah satu aktiviti sempena Program Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) KPWKM. Objektif pelaksanaan adalah bagi meningkatkan minat membaca di kalangan warga KPWKM dan melahirkan individu yang berpengetahuan.

Penganugerahan ini merupakan suatu aktiviti Galakan Membaca dan penghargaan kepada pengguna Perpustakaan KPWKM yang telah meminjam buku yang terbanyak pada tahun 2019. Penghargaan ini diberikan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada tempoh Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember. Pemilihan Pembaca Terbanyak adalah berdasarkan rekod statistik yang dijana melalui sistem ILMU iaitu sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu KPWKM. Majlis penganugerahan ini telah YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

*Maintain and further enhance the positive image of the Ministry through coordinated public relations (PR) strategy and to ensure the dissemination of information and messages are effectively communicated to the target audience*

### FUNGSI FUNCTION

- 1 Meningkatkan imej korporat KPWKM melalui program dan aktiviti PR.  
*Improving the corporate image of KPWKM through coordinated public Relation programs and activities.*
- 2 Menterjemahkan hasrat kerajaan kepada kehendak masyarakat melalui program dan aktiviti kempen KPWKM.  
*Accurately interpret the aspirations of Government to the community via KPWKM programs and campaign.*
- 3 Menyebarkan maklumat mengenai dasar dan program KPWKM untuk member penjelasan dan mengurangkan salah faham masyarakat.  
*Disseminate factual information on KPWKM policies and programs to create greater public awareness and to prevent misunderstanding among the community.*

- 4 Mewujud dan mengekalkan hubungan baik dengan pengamal media bagi membolehkan maklumat mengenai KPWKM disalurkan secara menyeluruh.  
*Establish and maintain good relations with media practitioners to enable information on KPWKM to be efficiently communicated.*
- 5 Menjadi sumber maklumat untuk masyarakat melalui penerbitan bahan-bahan bacaan dan maklumat mengenai program dan aktiviti kumpulan sasar KPWKM.  
*Upholds role as a reliable KPWKM source of information for the community with publications on programs and activities for targeted groups*

**6** Menghasilkan dan menyebarluaskan bahan rujukan untuk masyarakat dan kumpulan sasar dengan mendokumentasikan bahan dan maklumat mengenai program dan aktiviti KPWKM  
*Produce and disseminate reference materials for the community by documenting materials and information on KPWKM programs and activities for target groups*

**7** Memberi khidmat nasihat kepada Pengurusan Tertinggi KPWKM dari aspek PR dan Media.  
*Serves as public relations and media relations advisor to KPWKM Top Management*

## TALIAN KASIH 15999



> **Laporan Talian Kasih**  
*Talian Kasih Report*

### Pusat sehenti bagi pengemukaan pertanyaan, aduan dan bantuan


*Single point of contact for submission of queries, concerns and complaints*

### Menyalurkan informasi program-program Kementerian dan Agensi


*Serves as a channel of information on Ministry and Agency programs.*

### Aduan Berkaitan isu-isu sosial termasuk: *Frontliner for social Issues including:*


- Pembuangan bayi / Baby abandonment
- Penderaan dan keganasan rumah tangga / Domestic abuse and violence
- Perlindungan / Shelter
- Kaunseling / Counselling
- Masalah sosial remaja / Social issues for teenagers
- Bantuan kebajikan / Welfare assistance



➤ **Pecahan Panggilan Talian Kasih**  
*Received Calls via Talian Kasih*




➤ **Jumlah Pengikut Facebook**  
*Total Facebook followers*



Sehingga penghujung Disember 2018, jumlah keseluruhan pengikut di Facebook adalah seramai **190,091.**

**190,091** total Facebook followers by the end of December 2019


> **Jumlah Pautan daripada pengguna di Facebook**  
*Total Reach on Facebook*



Jumlah Pautan daripada pengguna  
di facebook yang mengunjungi laman Kementerian  
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
adalah sebanyak **316,504**

*Total Reach in Facebook to the end of  
December 2019 are **316,504**.*


➤ **Jumlah Reaksi daripada Pengguna Twitter**  
*Number of Comments, Retweets and Replies on Twitter*



Sepanjang 2019, Twitter KPWKM telah menerima sebanyak **3,715,500** replies, retweets dan likes.

Throughout 2019, KPWKM tweets have received **3,715,500** replies, retweets and likes.

➤ **Jumlah Carian Akaun Twitter KPWKM**  
*Total Number of Search for KPKWM Twitter Account*




Akaun KPWKM telah dicari sebanyak **22,527** kali di Twitter. Sehingga penghujung 2019, KPWKM mempunyai **3,247** pengikut di Twitter.

KPWKM Twitter account has been searched **22,527** times. At the end of 2019, KPWKM has **3,247** Twitter followers.

#### ➤ Jumlah Hantaran Gambar di *Instagram*

## *Number of Posts on Instagram*




Sepanjang 2019, KPWKM telah memuat naik sejumlah **505** hantaran gambar di Instagram

KPWKM has uploaded  
**505 posts**  
on Instagram in 2019


#### ➤ Jumlah Komen di Laman Instagram

### Total Comment in Instagram



Hantaran gambar di Instagram  
KPWKM telah menerima  
**253** komen  
sepanjang 2019.

In 2019, KPWKM received  
**253 comments**  
on Instagram



# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**

## UNIT INTEGRITI

***Integrity Unit***

## PENUBUHAN UNIT INTEGRITI ESTABLISHMENT OF INTEGRITY UNIT

Unit Integriti di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 April 2014 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan yang berhasrat menjadikan Unit Integriti sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

*Integrity Unit in Ministry of Women, Family and Community Development was officially established on 1 April 2014, in accordance with Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. This is in line with the Government's decision to set up an Integrity Unit in every agency as a focal point in the management of integrity issues.*

## OBJEKTIF UNIT INTEGRITI OBJECTIVE OF INTEGRITY UNIT

Untuk melaksanakan inisiatif integriti, memantapkan tadbir urus terbaik dan budaya kerja berintegriti dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salahguna kuasa di dalam organisasi.

*To implement integrity initiatives, to uphold good governance and a work culture of integrity towards combating corruption and abuse of power in the organization.*

## FUNGSI UNIT INTEGRITI FUNCTIONS OF INTEGRITY UNIT

Fungsi Function	Penerangan Explanation
<b>Pengukuhan integriti</b> <i>Enhancement of integrity</i>	Memastikan pelaksanaan dan penginstitusian integriti dalam organisasi <i>Ensuring implementation and the institutionalization of integrity within the organization</i>
<b>Pengurusan aduan</b> <i>Complaint Management</i>	Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/ maklumat mengenai salah laku dan pelanggaran integriti pegawai awam <i>Receiving and taking action on all complaints/ information regarding criminal misconducts and the violation of the code of conduct and organization's ethics</i>
<b>Pengesanan dan pengesahan</b> <i>Detection and verification</i>	Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku atau pelanggaran integriti. Salah laku bersifat jenayah hendaklah dilaporkan kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab <i>Detecting and verifying complaints on criminal misconduct and the violations of the code of conduct and organization's ethics. Reporting criminal misconduct to the relevant law enforcement agencies</i>
<b>Tadbir urus</b> <i>Governance</i>	Memastikan pelaksanaan tadbir urus secara efektif <i>Ensuring implementation of effective good governance</i>
<b>Pematuhan</b> <i>Compliance</i>	Memastikan pematuhan terhadap sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan <i>Ensuring compliance of enforced laws and regulations</i>
<b>Tatatertib</b> <i>Disciplinary</i>	Melaksanakan fungsi urus setia lembaga tatatertib <i>Performing secretariat functions for the Disciplinary Board</i>

## CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI ORGANIZATIONAL CHART OF INTEGRITY UNIT



## PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI INTEGRITY ENHANCEMENT PROGRAMS

**Objektif program ialah:**

- (a) Memperkenalkan amalan nilai murni, meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman warga KPWK dan agensi di bawahnya mengenai pembudayaan integriti;
- (b) Meningkatkan komitmen warga KPWK dan agensi mengenai peranan yang boleh dilaksanakan oleh setiap individu dalam mengukuhkan integriti; dan
- (c) Mendapatkan kerjasama warga KPWK serta agensi di bawahnya bagi membantu menyebarluaskan kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan integriti sebagai budaya kerja serta budaya kehidupan.

**Objectives of the programs are:**

- (a) To introduce the practice of good values, enhance the understanding and awareness on the importance of integrity;
- (b) To enhance the commitment of KPWK and agencies' staffs on the role that they should be playing as individuals in strengthening integrity; and
- (c) To get the cooperation of KPWK and agencies' staffs in spreading the understanding and awareness on the importance of integrity at work and in daily life.

Bil. No.	Program Pengukuhan Integriti Yang Telah Dianjurkan <i>Integrity Enhancement Programmes Conducted</i>	Tarikh Date
1.	Lawatan ke Pejabat Pegawai Integriti Bertauliah PETRONAS <i>Visit to Integrity Office, PETRONAS</i>	22 Januari 2019 <i>22 January 2019</i>
2.	Program Pengukuhan Integriti 'Saya Yang Menjalankan Amanah' Zon Tengah – Amanah Tanpa Dadah <i>Integrity Enhance Program: Central Region</i>	12 Februari 2019 <i>12 February 2019</i>
3.	Program Pengukuhan Integriti dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) <i>Integrity Enhance Program: Collaboration with Public Service Department (JPA)</i>	19 - 20 Februari 2019 <i>19-20 February 2019</i>
4.	Program Pengukuhan Integriti 'Saya Yang Menjalankan Amanah' Zon Utara <i>Integrity Enhance Program: Northern Region</i>	12 Mac 2019 <i>12 March 2019</i>
5.	Program Pengukuhan Integriti 'Saya Yang Menjalankan Amanah' Zon Selatan <i>Integrity Enhance Program: Southern Region</i>	26 Mac 2019 <i>26 March 2019</i>
6.	Program Pengukuhan Integriti 'Saya Yang Menjalankan Amanah' Zon Timur <i>Integrity Enhance Program: Eastern Region</i>	16 April 2019 <i>16 April 2019</i>
7.	Taklimat dan Percambahan Fikiran OACP dan NACP <i>Briefing and Brainstorming Session on OACP and NACP</i>	27 Mei 2019 <i>27 May 2019</i>
8.	Lawatan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) <i>Visit to Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)</i>	25 Jun 2019 <i>25 June 2019</i>
9.	Bengkel Panduan Pengurusan Siasatan <i>Workshop on Investigation Guidelines</i>	15 - 16 Julai 2019 <i>15-16 July 2019</i>
10.	Lawatan ke Ibu Pejabat PEMADAM Kebangsaan dan PENGASIH Malaysia <i>Visit to PEMADAM Kebangsaan and PENGASIH Malaysia</i>	23 Julai 2019 <i>23 July 2019</i>
11.	Hari 3i : Hari Inovasi, Hari Kesedaran ICT dan Hari Integriti <i>3i: Innovation Day, ICT Awareness Day and Integrity Day</i>	5 November 2019 <i>5 November 2019</i>

# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



## UNIT AUDIT DALAM

***Internal Audit Unit***



## PENGENALAN UNIT AUDIT DALAM INTRODUCTION TO INTERNAL AUDIT UNIT

Unit Audit Dalam (UAD) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundungan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi Kementerian dan agensi di bawahnya. Kewujudan dan peranan UAD Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 – Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KPWKM.

*The Internal Audit Unit (UAD) serves an independent function providing objective perspective and oversight on operations at KPWKM and its departments and agencies. The establishment of UAD at KPWKM is in line with PS 3.1 – Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian/Jabatan Persekutuan. UAD reports directly to the Secretary General of KPWKM.*

### VISI VISION

**Untuk menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian dan agensi di bawahnya.**

*To be a major contributor towards the financial management excellence and accountability of KPWKM and its agencies.*

### MISI MISSION

**Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Ketua Setiausaha Kementerian ke arah meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan.**

*Carry out professional and independent audits, submit a balanced audit report to the Secretary General of KPWKM in the effort to increase financial management accountability.*

### OBJEKTIF OBJECTIVES

Meningkatkan tahap pematuhan peraturan dan prosedur kewangan serta undang-undang yang ditetapkan di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian dan agensi di bawah kawalan Kementerian (KPWKM);

*Increase level of compliance of financial rules and procedures as well as laws set at all KPWKM and agency PTJs;*



Menentukan program dan aktiviti Kementerian/agensi di bawahnya dapat diuruskan dengan ekonomi, cekap dan berkesan; dan

*Ensure KPWKM and agency programs and activities can be managed economically, efficiently and effectively; and*



Menentukan keberkesaan dan kecekapan penggunaan ICT. Ensure effectiveness and efficiency of ICT utilization.



## PERJAWATAN UAD

### POSTS IN UAD

UAD KPWK telah diluluskan perjawatan seramai 17 orang pegawai. Kedudukan pengisian jawatan pada 31 Disember 2019 adalah seperti jadual di bawah..

#### > Perjawatan UAD pada 31 Disember 2019

Approved UAD posts as of 31 December 2019

UAD KPWK has 17 approved posts and the appointments as of 31 December 2019 are in the table below:

Bil. No.	Jawatan Position	Kumpulan Group	Gred Grade	Lulus Approved	Diisi Filled	Kekosongan Vacancy
1.	Ketua Unit Audit Dalam <i>Ketua Unit Audit Dalam</i>	Pengurusan & Profesional <i>Pengurusan &amp; Profesional</i>	W52	1	1	-
2.	Ketua Juruaudit <i>Ketua Juruaudit</i>		W44	2	2	-
3.	Juruaudit <i>Juruaudit</i>		W41	2	1	1
4.	Penolong Juruaudit <i>Penolong Juruaudit</i>	Pelaksana <i>Pelaksana</i>	W36	1	1	-
5.	Penolong Juruaudit <i>Penolong Juruaudit</i>		W32	3	3	-
6.	Penolong Juruaudit <i>Penolong Juruaudit</i>		W29/W32	4	2	2
7.	Pembantu Tadbir (P/O) <i>Pembantu Tadbir (P/O)</i>		N22	1	1	-
8.	Pembantu Tadbir (P/O) <i>Pembantu Tadbir (P/O)</i>		N19/N22	2	2	-
9.	Pembantu Operasi <i>Pembantu Operasi</i>		N11/N14	1	1	-
<b>Jumlah Total</b>				<b>17</b>	<b>14</b>	<b>3</b>

## PENCAPOAIAN AUDIT

### AUDIT ACHIEVEMENTS

Pada tahun 2019, UAD telah melaksanakan sebanyak 48 pengauditan melibatkan pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi, pengauditan perolehan, penampilan audit, pengauditan susulan, pemeriksaan mengejut, bimbingan khas dan pengauditan khas. Bilangan pengauditan berdasarkan jenis audit adalah seperti di jadual seterusnya.

In 2019, UAD has implemented a total of 48 audits involving financial management auditing, performance auditing, procurement auditing, spot check auditing, follow-up audits, unscheduled inspections, special guidance and special audits. Breakdown of audits are presented in the subsequent table.

➤ Pengauditan yang telah dilaksanakan pada tahun 2019  
 Audits conducted in 2019

Bil. No.	Jenis Pengauditan <i>Type of Audit</i>	Laksana <i>Conducted</i>
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan <i>Financial Management Audits</i>	11
2.	Pengauditan Prestasi <i>Performance Audits</i>	2
3.	Pengauditan Perolehan <i>Procurement Audits</i>	6
4.	Pengauditan Susulan <i>Follow Up Audits</i>	2
5.	Pemeriksaan Mengejut / Penampilan Audit <i>Unscheduled Inspections/Spot Check Audits</i>	24
6.	Pengauditan Khas <i>Special Audits</i>	3
<b>Jumlah Total</b>		<b>48</b>

## JENIS PENGAUDITAN TYPES OF AUDIT

### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan merupakan satu proses bagaimana sumber kewangan diuruskan secara bertanggungjawab mengikut garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi mencapai objektif Kementerian/Agenzi/Jabatan. Bagi mewujudkan tadbir urus kewangan yang baik, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan kawalan dalaman terhadap elemen-elemen dalam pengurusan kewangan dilaksanakan dan dipatuhi.

Dalam pengauditan pengurusan kewangan, prestasi pematuhan PTJ terhadap garis panduan dan peraturan kewangan dinilai berdasarkan tujuh (7) aspek kawalan yang disemak iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

### FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT

*Financial management is a process of how financial resources are responsibly managed according to guidelines and regulations that have been set to achieve the objectives of the Ministry, and its Agencies and Departments. To establish good financial governance, the Controlling Officer / Head of Department is responsible for ensuring internal control over the internal elements and that financial management is implemented and complied with.*

*In financial management audit, the compliance performance of PTJs towards financial guidelines and regulations is evaluated based on the review of seven (7) aspects of control namely Management Control, Budget Control, Receipt Control, Procurement Management, Expenditure Control, Asset and Store Management and Management of Government Vehicles.*


Pada tahun 2019, sebanyak 11 PTJ telah melalui pengauditan pengurusan kewangan melibatkan lapan (8) PTJ di bawah JKM dan tiga (3) PTJ di bawah JPW.

*In 2019, a total of 11 PTJs have undergone financial management audits involving eight (8) PTJs under JKM and three (3) PTJs under JPW.*

> **Senarai Pengauditan Pengurusan Kewangan Tahun 2019**  
*Financial Management Audit Done in 2019*

Bil. No.	Jabatan/Agenzi/Institusi Terlibat <i>Audited Department/Agency/Institution</i>
1.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Melaka
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Labuan
4.	Sekolah Tunas Bakti Telok Air Tawar, Pulau Pinang
5.	Rumah Kanak-Kanak Kota Kinabalu, Sabah
6.	Taman Sinar Harapan Jubli, Johor
7.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Perlis
8.	Taman Seri Puteri Kota Kinabalu, Sabah
9.	Sekolah Tunas Bakti Jerantut, Pahang
10.	Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pahang
11.	Sekolah Tunas Bakti Marang, Terengganu

> **Pencapaian Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan**  
*Level of Financial Management Compliance*



## PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi dijalankan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kementerian/Jabatan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan. Pada tahun 2019, UAD telah menjalankan dua (2) pengauditan prestasi.

### > Pengauditan Prestasi yang Dilaksanakan pada Tahun 2019

*Performance Audit Conducted in 2019*

Bil. No.	Tajuk Pengauditan Prestasi <i>Performance Audit Subject</i>	Sampel Yang Terlibat <i>Audit Locations</i>
1.	Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Islam di Rumah Perlindungan Khas Wanita (RPKW) <i>Contract Management of the Supply of Cooked Islamic Food at Rumah Perlindungan Khas Wanita (RPKW)</i>	i. RPKW Zon Tengah ii. RPKW Kuala Lumpur iii. RPKW Johor
2.	Pengurusan Tabung Bantuan Segera (TBS) <i>Management of Tabung Bantuan Segera (TBS)</i>	i. PKMD Langkawi, Kedah ii. PKMD Baling, Kedah iii. PKMD Hulu Perak, Perak iv. PKMD Port Dickson, N. Sembilan v. PKMD Johor Baru, Johor vi. PKMD Kota Tinggi, Johor vii. PKMB Sarikei, Sarawak viii. PKMB Sibu, Sarawak ix. PKMJ Machang, Kelantan x. PKMJ Pasir Puteh, Kelantan

#### i. Pengurusan Bekalan Makanan Bermasak Islam di Rumah Perlindungan Khas Wanita (RPKW)

Skop pengauditan meliputi pengurusan bayaran kepada pembekal, pengurusan kontrak; garis panduan, pesanan dan penerimaan bekalan, menu makanan yang disediakan dan pemantauan pengurusan bekalan makanan bermasak Islam di RPKW Zon Tengah, Kuala Lumpur dan Johor.

Antara isu-isu Audit yang dibangkitkan adalah: kadar had kelayakan makan sehari penghuni melebihi had yang telah ditetapkan; garis panduan terperinci mengenai pengurusan bekalan makanan bermasak tidak disediakan; lebih tuntutan daripada pembekal akibat tiada

## PERFORMANCE AUDIT

*Performance audits are conducted to assess whether an activity carried out by the Ministry/Department/Agency is implemented efficiently, prudently and whether it has achieve the set objectives or goals. In 2019, UAD conducted two (2) performance audits.*

#### i. Contract Management of the Supply of Cooked Islamic Food at Rumah Perlindungan Khas Wanita (RPKW)

*The scope of auditing includes payment management to suppliers, contract management, guidelines, ordering and receiving process, menu provided, and monitoring of food supply management at RPKW Central Region, Kuala Lumpur and Johor.*

*Among the Audit issues raised were: the occupant's daily meal eligibility limit exceeded the set limit; detailed guideline on the management of cooked food supply is not provided; payment made to supplier without reviewing supporting documents resulting*

semakan dokumen sokongan sebelum bayaran dibuat; pertukaran menu tanpa kelulusan pegawai; pertukaran menu yang tidak setara; tuntutan kadar penuh sehari penghuni dibayar kepada pembekal walaupun sajian minum pagi dan petang tidak disediakan; dokumen kontrak yang disediakan tidak lengkap, perjanjian lewat dimatikan setem; pembekal dibayar bagi bekalan yang melebihi penghuni sebenar; aspek kebersihan di Dewan Makan RPKW kurang diberi perhatian dan pemantauan kurang berkesan terhadap pengurusan bekalan makanan bermasak Islam di RPKW.

## **ii. Pengurusan Tabung Bantuan Segera (TBS)**

Skop pengauditan meliputi prestasi kewangan, proses permohonan, syarat-syarat permohonan, kelulusan, perakaunan, penyimpanan wang TBS dan perekodan dokumen di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan yang dipilih iaitu PKMD Langkawi, PKMD Baling, PKMD Hulu Perak, PKMD Port Dickson, PKMD Johor Bahru, PKMD Kota Tinggi, PKMB Sibu, PKMB Sarikei, PKMJ Pasir Puteh dan PKMJ Machang.

Antara isu-isu Audit yang dibangkitkan adalah: borang siasatan awal tidak lengkap; penerima TBS melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan semasa; borang permohonan tidak lengkap; penerima menerima bantuan lebih dari sekali; bukan warga negara menerima bantuan dan kelulusan bantuan diberikan semasa pegawai bercuti.

## **PENGAUDITAN PENGURUSAN PEROLEHAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan pengurusan perolehan berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta diuruskan secara cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Pada tahun 2019, sebanyak enam (6) pengauditan pengurusan perolehan telah dilaksanakan.

*in overclaims; menu change without prior approval; unequal menu swaps; occupants' full rate claims per day are paid to suppliers even when morning and afternoon tea were not provided; incomplete contract documents provided; late stamping of agreement; suppliers overpaid and not according to actual number of occupants; aspects of cleanliness in the RPKW dining Hall; inefficient monitoring of food supply management.*

## **ii. Management of Tabung Bantuan Segera (TBS)**

*The scope of the audit covers financial performance, application process, application conditions, approval, accounting, TBS location of cash in hand, and document records at 10 selected JKM District / Division / Territory Offices namely PKMD Langkawi, PKMD Baling, PKMD Hulu Perak, PKMD Port Dickson , PKMD Johor Bahru, PKMD Kota Tinggi, PKMB Sibu, PKMB Sarikei, PKMJ Pasir Puteh and PKMJ Machang.*

*Among the Audit issues raised were: Incomplete initial investigation form is incomplete; TBS recipients whose income exceeded current poverty line; incomplete application form; recipients receiving assistance more than once; non-citizens receiving assistance and approval of assistance given while officers were on leave.*

## **PROCUREMENT MANAGEMENT AUDIT**

*The objective of this audit is to determine whether the Ministry / Department / Agency implemented procurement management based on the rules and regulations set as well as to determine whether procurement process was efficiently managed efficiently so as to achieve set goals.*

*In 2019, a total of six (6) procurement management audits were conducted.*

➤ **Senarai Pengauditan Perolehan Tahun 2019**  
*List of Procurement Management Audits in 2019*

Bil. No.	Jabatan/Agenzi/Institusi Terlibat <i>Audited Department/Agency/Institution</i>
1.	Pengauditan Pengurusan Perolehan di Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah <i>Procurement Management Audit at Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah</i>
2.	Pengauditan Pengurusan Perolehan di Rumah Kanak-kanak Rembau, Negeri Sembilan <i>Procurement Management Audit at Rumah Kanak-kanak Rembau, Negeri Sembilan</i>
3.	Pengauditan Pengurusan Perolehan di Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli Cheras, Selangor <i>Procurement Management Audit at Taman Sinar Harapan Ziyad Zolkefli Cheras, Selangor</i>
4.	Pengauditan Pengurusan Perolehan di Rumah Kanak-kanak Arau, Perlis <i>Procurement Management Audit at Rumah Kanak-kanak Arau, Perlis</i>
5.	Pengauditan Pengurusan Perolehan di Kompleks Penyayang Bakti Sg. Buloh, Selangor <i>Procurement Management Audit at Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh, Selangor</i>
6.	Pengauditan Pengurusan Perolehan di Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor <i>Procurement Management Audit at Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor</i>

Antara penemuan Audit yang perlu diambil perhatian dan tindakan Ketua Jabatan adalah: pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan tidak dilantik secara bertulis; perolehan yang melebihi RM20,000 setahun telah dibuat secara pembelian terus; tiada bukti kajian pasaran dijalankan; pesanan tempatan dikeluarkan pada hari yang sama atau selepas bekalan/perkhidmatan diterima; pembayaran dibuat tanpa dokumen sokongan yang lengkap; barang lewat dibekalkan oleh pembekal daripada tarikh yang ditetapkan; *integrity pact* tidak dilaksanakan; daftar/rekod pembayaran berjadual tidak diselenggarakan; kontrak formal tidak disediakan; kontrak perjanjian tidak disemak oleh Penasihat Undang-undang; kontrak perjanjian lewat ditandatangani melebihi tempoh empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan; kontrak perjanjian lewat/tidak dimatikan setem dan perolehan secara kontrak pusat sistem panel yang melebihi RM20,000 tidak dibuat secara sebut harga.

*Among the Audit findings that required respective Head of Department's attention and actions are: officers involved with financial management were not officially appointed in writing; procurement valued at more than RM20,000 per year was made by direct purchase; no evidence of market research carried out; local orders were issued on the same day or after the supply / service has already been received; payment made without complete supporting documents; goods were supplied by the supplier later than the due date; integrity pact not signed; register / record of scheduled payments not maintained; formal contracts were not provided; contract agreement not reviewed by the Legal Adviser; agreement contracts were signed more than four (4) months late from the date the Letter of Acceptance was issued; late stamping of contracts; contracts not legally stamped; contract procurement of central panel system contract exceeding RM20,000 did not go through proper quotation process.*

## PENGAUDITAN SUSULAN

Pada tahun 2019, UAD telah melaksanakan dua (2) pengauditan susulan pengurusan kewangan di

## FOLLOW UP AUDIT

*In 2019, UAD conducted two (2) follow up financial management audits on Rumah Seri Kenangan*

Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor dan Rumah Seri Kenangan Kangar, Perlis. Objektif pengauditan ini bertujuan memastikan teguran UAD dalam Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan yang lalu telah diambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan sewajarnya.

## **PEMERIKSAAN MENGEJUT / PENAMPILAN AUDIT**

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan untuk memastikan pegawai yang bertanggungjawab telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, dikemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala.

Pada tahun 2019, UAD telah menjalankan pemeriksaan mengejut di 24 Pusat Tanggungjawab (PTJ) meliputi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di bawah JKM. Antara penemuan Audit adalah: baki wang kutipan di tangan tidak bersamaan dengan baki rekod; Kew. 67 dan Kew. 68 tidak direkodkan dengan lengkap dan tidak dikemas kini; Daftar Pembayaran bagi Wang untuk Dibahagi-bahagikan tidak disediakan dan tidak diperiksa sekali sebulan oleh Ketua Jabatan; kod kombinasi peti besi tidak ditukar setiap enam (6) bulan sekali atau apabila berlaku pertukaran pegawai; pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan secara menyeluruh ke atas peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, setem dan lain-lain barang berharga; masa tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dan Ketua Jabatan atau wakil tidak menjalankan pemeriksaan dalaman.

## **PENGAUDITAN KHAS**

Unit Audit Dalam diberikan tanggungjawab untuk membuat pengesahan data baki awal aset dan liabiliti pada tarikh 31 Disember 2018 dan 30 Jun 2019 yang telah dikemukakan oleh Bahagian Akaun, KPWKM. Pengesahan data baki awal aset dan liabiliti terdiri daripada Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima. Ini sebahagian daripada persediaan ke arah

*Cheras, Selangor and Rumah Seri Kenangan Kangar, Perlis. Objective of the audits was to ensure that status of actions taken based on UAD's previous audit findings and remarks.*

## **UNSCHEDULED INSPECTION AND SPOT CHECK AUDIT**

*Arahan Perbendaharaan places the responsibility on the respective Heads of Department to ensure that the officer in charge has kept public money, stamps, or other valuables safely in safes, vaults, cash boxes, drawers, or other containers. The Head of Department must also ensure that records are fully maintained, updated, and checked by senior officers on a regular basis.*

*In 2019, UAD conducted a surprise inspection at 24 PTJs covering the District Social Welfare Office (PKMD) under JKM. Among the findings of the Audit were: the balance of the collection money in hand is not equal to the recorded balance; Kew. 67 and Kew. 68 were not fully recorded and not updated; Daftar Pembayaran bagi Wang untuk Dibahagi-bahagikan was not provided and was not checked once a month by the Head of Department; vault combination code was not changed every six (6) months or when there is a change of officer; unscheduled inspections were not carried out thoroughly on safes, vaults, cash boxes, stamps and other valuables; time was not recorded in the Daftar Pemeriksaan Mengejut and the Head of Department or representative did not conduct internal inspections.*

## **SPECIAL AUDIT**

*The Internal Audit Unit was given the responsibility to verify the initial balance data of assets and liabilities on 31 December 2018 and 30 June 2019 as submitted by the Accounts Division, KPWKM. Verification of initial balance data of assets and liabilities consists of Movable Assets, Immovable Assets, Assets Under Construction, Accounts Payable and Accounts Receivable. This is part*

Amalan Perakaunan Akruan Kementerian yang telah dilaksanakan mulai tahun 2018.

Unit Audit Dalam diberikan tanggungjawab untuk membuat pengesahan atau verifikasi data baki awal aset dan liabiliti pada tarikh 31 Disember 2018 dan 30 Jun 2019 yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun,

*of the preparation towards the KPWKM Accrual Accounting Practices which was implemented in 2018.*

*Unit Audit Dalam diberikan tanggungjawab untuk membuat pengesahan atau verifikasi data baki awal aset dan liabiliti pada tarikh 31 Disember 2018 dan 30 Jun 2019 yang dikemukakan oleh*

## **JAWATANKUASA AUDIT AUDIT COMMITTEE**

Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2. Objektif penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara dan memastikan tindakan pencegahan (preventive) dan pembetulan atau pemberian (corrective) diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

*The Audit Committee (JKA) in the Ministry was established in accordance with the Malaysian Treasury Circular PS 3.2. The objective of establishing the Audit Committee is to discuss issues raised either by the Internal Audit Unit or Jabatan Audit Negara to ensure preventive and corrective actions are taken so that related weaknesses can be corrected and not repeated.*

### **KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT**

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKM dengan ahli-ahli terdiri daripada Timbalan-timbalan KSU, Setiausaha-setiausaha Bahagian (SUB) daripada semua Bahagian dan Ketua-ketua Agensi di bawah KPWKM. Ketua Unit Audit Dalam bertindak selaku Setiausaha JKA dan Unit Audit Dalam sebagai urus setia mesyuarat.

### **AUDIT COMMITTEE MEMBERS**

*The Audit Committee is chaired by the Secretary General (KSU) of KPWKM with members consisting of Deputy Secretaries Generals (TKSU), Divisional Secretaries (SUB) from all Divisions and Heads of Agencies under KPWKM. The Head of the Internal Audit Unit acts as the Secretary of the JKA and the Internal Audit Unit is the secretariat of the meeting.*

### **KEKERAPAN MESYUARAT**

Pada tahun 2019, sebanyak empat (4) mesyuarat JKA telah diadakan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam dan/ atau Jabatan Audit Negara seperti mana objektif penubuhannya. Minit mesyuarat JKA dikemukakan ke Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi, Kementerian Kewangan sebelum 15 haribulan selepas suku tahun berikutnya. Mesyuarat JKA sepanjang 2019 adalah seperti disenaraikan pada halaman sebelah.

### **MEETING FREQUENCY**

*In 2019, a total of four (4) JKA meetings were held to discuss issues raised by the Internal Audit Unit and /or Jabatan Audit Negara as per the objectives of its establishment. The minutes of the JKA meetings were submitted to the Corporate Strategy and Communications Division, Ministry of Finance before the 15th of the month after the next quarter.*

> **Mesyuarat JKA Sepanjang 2019**  
*Audit Committee Meetings in 2019*

Bil. No.	Bilangan Mesyuarat <i>Meeting</i>	Tarikh Mesyuarat <i>Date of Meeting</i>	Tarikh Minit Mesyuarat Dikemukakan ke Kementerian Kewangan <i>Date of Meeting Minutes Submission to MOF</i>
1.	<b>JKA KPWK BIL. 1/2019</b>	23 Mac 2019 <i>23 March 2019</i>	5 April 2019 <i>5 April 2019</i>
2.	<b>JKA KPWK BIL. 2/2019</b>	1 Julai 2019 <i>1 July 2019</i>	12 Julai 2019 <i>12 July 2019</i>
3.	<b>JKA JKWK BIL. 3/2019</b>	7 Oktober 2019 <i>7 October 2019</i>	15 Oktober 2019 <i>15 October 2019</i>
4.	<b>JKA KPWK BIL. 4/2019</b>	18 Disember 2019 <i>18 December 2019</i>	13 Januari 2020 <i>13 January 2020</i>

## AKTIVITI-AKTIVITI UNIT AUDIT DALAM INTERNAL AUDIT UNIT ACTIVITIES

> **Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPWK.**  
*KPWK Audit Committee Meeting.*



> **Perbincangan Mengenai Sistem iGFMAS Bersama Bahagian Akaun, KPWKM.**

*Discussion on iGFMAS System with KPWKM Accounts Division.*



> **Pengauditan Pengurusan Kewangan (Stor) di JKMN Kelantan.**

*Finance Management Audit at JKMN Kelantan.*



> **Perbincangan Pemurnian Kertas Kerja UAD 2019.**

*Discussion on Kertas Kerja UAD 2019.*



# Laporan Prestasi 2019

*Performance Report 2019*



## JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

*Department of Social Welfare*



## **AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT** **ACTIVITIES OF THE DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE**

Bil. No.	Tarikh <i>Date</i>	Tajuk / Perkara <i>Activity</i>	Lokasi <i>Location</i>
1.	17 Januari 2019 <i>17 January 2019</i>	<b>Perhimpunan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bil 1. Tahun 2019</b> <i>JKM Monthly Assembly 1/2019</i>	Dewan Nur, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat <i>Dewan Nur, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat</i>
2.	18 Februari 2019 <i>18 February 2019</i>	<b>Majlis Pelancaran Kajian Semula Pelan Strategik 2016 – 2020 Jabatan Kebajikan Masyarakat</b> <i>Launching Ceremony of JKM Strategic Plan Review 2016 - 2020</i>	Putus Latihan Perindustrian dan Pemulihian, Bangi <i>Putus Latihan Perindustrian dan Pemulihian, Bangi</i>
3.	7 Mac 2019 <i>7 March 2019</i>	<b>Pelancaran Kad Orang Kurang Upaya Baharu</b> <i>Launching of the New Persons with Disabilities Card</i>	Sekolah Kebangsaan Presint 9, Putrajaya <i>Sekolah Kebangsaan Presint 9, Putrajaya</i>
4.	4 April 2019 <i>4 April 2019</i>	<b>Pra Pelancaran TUBE 6.0 &amp; MOU Bersama SME Corp</b> <i>Pre-Launch of TUBE 6.0 and MOU with SME Corp</i>	Bangunan SME Corp KL Sentral Kuala Lumpur <i>Bangunan SME Corp KL Sentral Kuala Lumpur</i>
5.	22 Mei 2019 <i>22 May 2019</i>	<b>Lawatan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</b> <i>KDYMM Seri Paduka Baginda Raya Permaisuri Agong Visit to Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</i>	Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur <i>Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</i>
6.	24 Mei 2019 <i>24 May 2019</i>	<b>Lawatan Kerja TKSU (O) Bersama KPKM ke Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta</b> <i>Work Visit by Deputy Secretary General (O) with DG of Social Welfare to Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta</i>	Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta <i>Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta</i>
7.	22 Jun 2019 <i>22 June 2019</i>	<b>Program Libat Urus Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bersama warga Kerja JKM Perak</b> <i>Engagement Session of DG of Social Welfare with JKM Perak staff members</i>	Sekolah Tunas Bakti Lelaki Taiping, Perak <i>Sekolah Tunas Bakti Lelaki Taiping, Perak</i>
8.	27 Jun 2019 <i>27 June 2019</i>	<b>Majlis Penyampaian Watikah dan Mesyuarat Majlis Warga Emas Negara</b> <i>Majlis Penyampaian Watikah and Majlis Warga Emas Meeting</i>	Bilik Persidangan Aras 21 Bangunan KPWKM <i>Bilik Persidangan Aras 21 Bangunan KPWKM</i>

Bil. No.	Tarikh Date	Tajuk / Perkara Tajuk / Perkara	Lokasi Location
9.	16 Julai 2019 <i>16 July 2019</i>	<b>Program Libat Urus Ketua Pengarah &amp; Pengurusan Tertinggi Bersama Pegawai Kader JKM</b> <i>Engagement Session between DG of Social Welfare, JKM Top Management and JKM Cadre Officers</i>	Aras 7, Auditorium Bangunan KPWK Aras 7, Auditorium Bangunan KPWK
10.	27 Julai 2019 <i>27 July 2019</i>	<b>Ziarah Kasih Negeri Kelantan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat DG of Social Welfare Ziarah Kasih Negeri Kelantan</b>	Kelantan <i>Kelantan</i>
11.	28 Julai 2018 <i>28 July 2018</i>	<b>Lawatan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat ke Program 2YEP Negeri Kelantan</b> <i>DG of Social Welfare Visit to 2YEP Program in Kelantan</i>	Kelantan <i>Kelantan</i>
12.	4 -6 Ogos 2019 <i>4 -6 August 2019</i>	<b>Persidangan Pegawai Kebajikan Masyarakat &amp; Ketua Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat</b> <i>Social Welfare Officers and JKM Heads of Institutions Conference</i>	Institut Sosial Malaysia, Sg Besi Kuala Lumpur <i>Social Institute of Malaysia, Sungai Besi, Kuala Lumpur</i>
13.	8 Ogos 2019 <i>8 August 2019</i>	<b>Program Tunas Usahawan Belia Bumiputra (TUBE) 6.0 Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat</b> <i>Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0 Program with JKM</i>	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi <i>Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi</i>
14.	23 Ogos 2019 <i>23 August 2019</i>	<b>Perhimpunan Bulanan dan Majlis Bacaan Yaasin Sempena Bulan Kemerdekaan Peringkat JKM</b> <i>JKM Monthly Assembly and Yaasin Recitation In Conjunction with Merdeka Month</i>	Aras 21 Bangunan KPWK <i>Aras 21 Bangunan KPWK</i>
15.	12 September 2019 <i>12 September 2019</i>	<b>Lawatan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor</b> <i>KDYMM Seri Paduka Baginda Raya Permaisuri Agong Visit to Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor</i>	Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor <i>Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor</i>
16.	19 September 2019 <i>19 September 2019</i>	<b>Program Kalam Jaddi Penghuni Institusi Warga Emas</b> <i>Kalam Jaddi Program for Residents of Institusi Warga Emas</i>	Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor <i>Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor</i>
17.	30 September 2019 <i>30 September 2019</i>	<b>Majlis Penutup Konvensyen Kebajikan Produktif 2019</b> <i>Closing Ceremony of Konvensyen Kebajikan Produktif 2019</i>	Hotel Seri Malaysia, Kedah Darul Aman <i>Hotel Seri Malaysia, Kedah Darul Aman</i>

Bil. No.	Tarikh Date	Tajuk / Perkara Tajuk / Perkara	Lokasi Location
18.	4-6 Oktober 2019 <i>4-6 October 2019</i>	<b>Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 3 Tahun 2019</b> <i>Top Management Meeting 3/2019</i>	Ibu Pejabat Negeri JKMN Pahang <i>Ibu Pejabat Negeri JKMN Pahang</i>
19.	5 Oktober 2019 <i>5 October 2019</i>	<b>Program Libat Urus Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bersama Warga Kerja JKM Zon Timur</b> <i>Engagement Session between DG of Social Welfare and JKM Eastern Region staff members</i>	Ibu Pejabat Negeri JKMN Pahang <i>Ibu Pejabat Negeri JKMN Pahang</i>
20.	9 Oktober 2019 <i>9 October 2019</i>	<b>Persidangan Psikologi Jabatan Kebajikan Masyarakat 2019</b> <i>JKM Psychology Conference 2019</i>	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi <i>Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi</i>
21.	12 Oktober 2019 <i>12 October 2019</i>	<b>Program Sahabat Bijak, Selamat dan Lindung</b> <i>Sahabat Bijak, Selamat dan Lindung Program</i>	SMK Presint 18, Putrajaya <i>SMK Presint 18, Putrajaya</i>
22.	15 Oktober 2019 <i>15 October 2019</i>	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Orang Kurang Upaya Bil. 2 Tahun 2019</b> <i>Persons with Disabilities Committee Meeting 2/2019</i>	Bilik Mesyuarat Aras 33, Bangunan KPWKM <i>Bilik Mesyuarat Aras 33, Bangunan KPWKM</i>
23.	23 Oktober 2019 <i>23 October 2019</i>	<b>Program Baiki Rumah Untuk Sejahtera @ Program Santuni Rakyat</b> <i>Program Baiki Rumah Untuk Sejahtera @ Program Santuni Rakyat</i>	Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka <i>Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka</i>
24.	22-24 Oktober 2019 <i>22-24 October 2019</i>	<b>Mesyuarat Perancangan Strategik Jabatan kebajikan Masyarakat Tahun 2020</b> <i>JKM 2020 Strategic Planning Meeting</i>	Resort Suite Bandar Sunway, Selangor <i>Resort Suite Bandar Sunway, Selangor</i>
25.	30-31 Oktober 2019 <i>30-31 October 2019</i>	<b>Seminar Lembaga Pelawat Institusi Warga Emas</b> <i>Institusi Warga Emas Board of Visitors Meeting</i>	De Palma Hotel, Selangor <i>De Palma Hotel, Selangor</i>
26.	4 November 2019 <i>4 November 2019</i>	<b>Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi OKU Bil. 2 Tahun 2019</b> <i>Majlis Kebangsaan Bagi OKU Meeting 2/2019</i>	Bilik Mesyuarat Aras 33, Bangunan KPWKM <i>Bilik Mesyuarat Aras 33, Bangunan KPWKM</i>

# Laporan Prestasi 2019

*Performance Report 2019*



## JABATAN PEMBANGUNAN WANITA

*Department of Women Development*



## LATAR BELAKANG BACKGROUND

Pada tahun 1975, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (*National Advisory Council on the Integration of Women in Development - NACIWID*) sebagai jentera bagi memastikan penglibatan wanita dalam pembangunan. Urus setia Majlis tersebut adalah Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli Majlis berkenaan dilantik oleh YAB Perdana Menteri bagi tempoh tiga tahun.

*In 1975, the Government established the National Advisory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID) as an entity to ensure the involvement of women in development. The secretariat of the Council is the Implementation Coordination Unit, Prime Minister's Department. The members of the Council are appointed by the YAB Prime Minister for a period of three years.*

### Tahun/Year 1983

Urus Setia Hal Ehwal Wanita, Jabatan Perdana Menteri atau HAWA diwujudkan bagi mengambil alih tugas sebagai Urus setia NACIWID. *The Secretariat for Women's Affairs, the Prime Minister's Department or HAWA was created to take over as NACIWID Secretariat.*

**1983**

### 26 Ogos/August 1985

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya HAWA diperkuuhkan dengan menaikkan tarafnya kepada Bahagian.

*Cabinet Meeting agreed for HAWA to be strengthened and upgraded to become a Division.*

### 29 Januari/January 1997

Jemaah Menteri telah memutuskan supaya HAWA dinaikkan taraf kepada sebuah Jabatan.  
*The Cabinet decided to upgrade HAWA to become a Department.*

**1985**

**1990**

**1997**

**1999**

**2001**

### 1 Julai/July 1997

HAWA beroperasi sebagai sebuah Jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.  
*HAWA operates as a Department under the Ministry of National Unity and Community Development.*

### 27 Oktober/October 1990

Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

*The Women's Affairs Division (HAWA) was transferred from the Prime Minister's Department to the Ministry of National Unity and Community Development.*

### 1 Julai/July 2001

Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu memulih dan mempertingkat keyakinan ibu-ibu tunggal agar mereka lebih bermotivasi untuk merencana masa depan mereka dan anak-anak. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab juga akan membantu menyalurkan permohonan bantuan oleh ibu-ibu tunggal ini ke agensi-agensi yang berkaitan.

Tambahan pula, JPW dari semasa ke semasa turut menjalankan program kesejahteraan emosi untuk ibu-ibu tunggal seperti program pengurusan stress, komunikasi keluarga dan sebagainya.

## Bantuan Kebajikan

Bantuan kebajikan untuk golongan memerlukan termasuk ibu tunggal miskin disediakan oleh KPWK melalui JKM. Antara bantuan yang boleh dimanfaatkan untuk ibu tunggal miskin dan tanggungan mereka adalah seperti berikut:

### a. Bantuan Kanak-kanak (BKK)

Anak-anak dari keluarga miskin termasuk ibu tunggal diberikan BKK untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan mereka. Bantuan yang diberikan adalah pada kadar RM150 untuk setiap kanak-kanak sehingga maksimum RM450 untuk setiap keluarga.

BKK bermatlamat untuk meringankan bebanan kewangan ibu tunggal serta mengelakkan anak-anak mereka daripada tercicir daripada mendapat pendidikan formal di sekolah.

## Services for Emotional Wellness

*JPW also provides counseling and lay counseling services for women and single mothers. The service is provided at the headquarters and at 13 State Women Development Offices (PPWN) nationwide.*

*This service aims to help restore and enhance the confidence of single mothers so that they are more motivated to plan for their future and that of their children. In addition, the officer in charge will also help channel applications for assistance by these single mothers to the relevant agencies.*

*Also, JPW from time to time conducts emotional well-being programs for single mothers such as stress management programs, family communication and so on.*

## Welfare Assistance

*Welfare assistance for the needy including poor single mothers is provided by KPWK through JKM. Among the benefits that can be utilized for poor single mothers and their dependents is as follows:*

### a. Bantuan Kanak-kanak (BKK)

*Children from poor families including single mothers are given BKK to help cover their school expenses. The assistance provided is at the rate of RM150 for each child up to a maximum of RM450 for each family.*

*BKK aims to alleviate the financial burden of single mothers as well as prevent their children from getting a formal education in school by dropping out of school.*

**b. Bantuan Am (BA)**

Golongan ibu tunggal miskin juga diberikan Bantuan Am (BA) pada kadar antara RM80 seorang hingga maksimum RM350 sebulan sekeluarga bagi membantu menampung perbelanjaan harian mereka dan keluarga.

**c. Geran Pelancaran**

Golongan ibu tunggal juga digalakkan untuk berdikari dengan menjana pendapatan mereka sendiri. Untuk tujuan itu, JKM menyediakan skim Geran Pelancaran bagi membantu penerima bantuan yang berminat bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Cara untuk mendapatkan bantuan:

Permohonan untuk mendapatkan bantuan tersebut hendaklah dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah masing-masing. Kriteria asas bagi mendapatkan bantuan kebajikan tersebut adalah berdasarkan kepada tahap pendapatan isi rumah dan bilangan tanggungan.

**b. General Assistance**

*Poor single mothers are also given Bantuan Am (BA) at a rate of between RM80 per person to a maximum of RM350 per month for every family to help cover daily personal and family expenses.*

**c. Launch Grant**

*Single mothers are also encouraged to be independent by generating their own income. For that purpose, JKM provides a Launch Grant scheme to help interested recipients to start small businesses.*

*How to get help:*

*Application for such assistance can be made at the respective District Social Welfare Offices. The basic criteria for obtaining such welfare assistance is based on the level of household income and the number of dependents.*

# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



# INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)

***Social Institute of Malaysia (ISM)***



# LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI ISM 2019

## 2019 PROGRAM AND ACTIVITY REPORT

### SEMINAR KEGANASAN RUMAH TANGGA :

#### ISTERI DALAM KURUNGAN

### SEMINAR KEGANASAN RUMAH TANGGA :

#### ISTERI DALAM KURUNGAN

Auditorium, Institut Sosial Malaysia

*Auditorium, Social Institute of Malaysia*

1

Oktobre/  
October 2019

#### Perasmi

**YBrs. Dr. Fazni binti Mat Ariffin**

Pengarah, Institut Sosial Malaysia

#### Perasmi

**YBrs. Dr. Fazni binti Mat Ariffin**

Director, Social Institute of Malaysia

#### Moderator

**YBrs. Dr. Jashpal Kaur A/P Kulwant Singh**

Pakar Gender, KPWKM

#### Moderator

**YBrs. Dr. Jashpal Kaur A/P Kulwant Singh**

Gender Expert, KPWKM

#### Panel Jemputan

- Puan Sulaimah Daud**

Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan,  
JKM

- Puan Superintenden Siti Khamisah binti Hassan**

Bahagian Seksual dan Kanak – Kanak, Jabatan  
Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia

- Cik Purani Morgan**

Pengurus Program Pertubuhan Bukan Kerajaan  
(NGO), All Women's Action Society (AWAM)

- Puan Melissa Akhir**

Women's Aid Organisation (WAO)

#### Panelists

- Puan Sulaimah Daud**

Legal and Enforcement Division, JKM

- Puan Superintenden Siti Khamisah binti Hassan**

Sexual/Domestic Violence/Child Abuse  
Investigation Division, Criminal Investigation  
Department, Royal Malaysia Police (PDRM)

- Cik Purani Morgan**

Manager, All Women's Action Society (AWAM)

- Puan Melissa Akhir**

Women's Aid Organisation (WAO)

#### Objektif Seminar

- Menerima pendedahan mengenai kes-kes yang berlaku secara realiti tetapi tidak diketahui umum
- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang cirri-ciri keganasan rumah tangga
- Mendapat pengetahuan berkaitan proses dan saluran yang disediakan sekiranya berlaku sesuatu keganasan rumah tangga

#### Seminar Objectives

- Exposure on lesser known real-life cases
- Increase knowledge and awareness of the characteristics of domestic violence
- Gain knowledge related to the processes and channels provided in the event of a domestic violence

Seminar ini memberi pendedahan mengenai kes-kes yang berlaku secara realiti tetapi tidak diketahui umum. Malah, peserta dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang cirri-ciri keganasan rumah tangga, sistem sokongan sedia ada serta informasi mengenai proses dan saluran yang

This seminar provides exposure to actual cases that are less widely known to the general public. Participants can increase their knowledge and awareness of the characteristics domestic violence, existing support systems as well as information on the processes and channels provided in the event of domestic violence.

disediakan sekiranya berlaku sesuatu keganasan rumah tangga. Seminar sehari ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, para akademik, pelajar, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain seramai 300 orang.

*This one-day seminar was attended by 300 participants including representatives from various government and private agencies including the Ministry of Economic Affairs, the Ministry of Health, the Ministry of Education, the Ministry of Human Resources, academicians, students, and non-governmental organizations.*



## PROGRAM DIALOG PROFESION KERJA SOSIAL DIALOGUE ON SOCIAL WORK PROFESSION

Auditorium, Institut Sosial Malaysia  
Auditorium, Social Institute of Malaysia

31

Okttober /  
October 2019

### Jumlah Peserta

- 210 Orang peserta

### Panel Jemputan

- Dr. Mohd Suhaimi bin Mohamad (MASW)
- Encik Khairul Amri bin Ahmad (JKM)
- Tuan Syed Azmi Al-Habshi (NGO)
- Encik Kuan Chee Heng aka Uncle Kentang (NGI)

### Tujuan Utama

- Memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya pengamal sosial tentang kerja sosial serta kepentingannya dalam menangani gejala sosial.
- Mempromosikan bidang kerja sosial kepada masyarakat sebagai persediaan kepada pembentangan Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial di Parlimen

### Objektif Program

- Memberi pendedahan kepada masyarakat terutama pengamal sosial tentang kerja sosial;
- Memberi ruang kepada pengamal sosial untuk memahami praktis kerja sosial di dalam menangani isu kebajikan;
- Mengumpul data pengamal-pengamal sosial bersama bidang kepakaran dan bentuk latihan yang diperlukan

Institut Sosial Malaysia (ISM) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan satu sesi dialog berkaitan profesion kerja sosial melibatkan badan bukan kerajaan, ahli akademik serta para sukarelawan yang berkecimpung di dalam perkhidmatan sosial. Dialog ini bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya pengamal sosial tentang kerja sosial serta kepentingannya dalam menangani gejala sosial di negara ini. Program ini juga bermatlamat untuk mempromosikan bidang kerja sosial kepada masyarakat sebagai persediaan kepada pembentangan Rang Undang-Undang Profesional Kerja Sosial di Parlimen nanti.

### Participants

- 210 pax

### Panelists

- Dr. Mohd Suhaimi bin Mohamad (MASW)
- Encik Khairul Amri bin Ahmad (JKM)
- Tuan Syed Azmi Al-Habshi (NGO)
- Encik Kuan Chee Heng aka Uncle Kentang (NGI)

### Main Purpose

- Provide awareness to the community especially social practitioners about social work as well as its importance in dealing with social problems
- Promote the field of social work to the community in preparation for the tabling of Social Work Profession Bill in Parliament

### Program objective

- Provide exposure to the community especially social practitioners about social work;
- Provide space for social practitioners to understand the practice of social work in dealing with welfare issues;
- Collect data of social practitioners along with the required areas of expertise and forms of training required

*Social Institute of Malaysia (ISM) has taken the initiative to host a dialogue on social work activities involving non-governmental organizations, academicians and volunteers who are actively carrying out social work. This dialogue aims to provide awareness to the community, especially social practitioners about social work and its importance in dealing with social ills in this country. The program also aims to promote the field of social work to the society at large in preparation for the tabling Social Work Profession Bill in Parliament soon.*

Program Dialog ini telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2019 dan dihadiri oleh seramai 210 orang peserta dalam kalangan pengamal sosial, NGO, swasta dan penjawat awam. Panel bagi sesi dialog adalah Dr. Mohd Suhaimi Bin Mohamad (MASW), Encik Khairul Amri Bin Ahmad (JKM), Tuan Syed Azmi Al-Habshi (NGO) dan Uncle Kentang (NGI).

*This Dialogue was held on 31 October 2019 and attended by 210 participants among social practitioners, NGOs, private and civil servants. Panel for dialogue sessions are Dr. Mohd Suhaimi Bin Mohamad (MASW), Encik Khairul Amri Bin Ahmad (JKM), Tuan Syed Azmi Al-Habshi (NGO) and Uncle Kentang (NGI).*



## **PROGRAM OUTREACH PEMERKASAAN USAHAWAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

### **EMPOWERMENT OF PERSONS WITH DISABILITIES OUTREACH PROGRAM**

**Auditorium, Institut Sosial Malaysia**  
**Auditorium, Social Institute of Malaysia**

**3**  
**November/  
November 2019**

#### **Jumlah Peserta**

- 250 Orang peserta

#### **Panel Jemputan**

- YBrs. Dr. Aizan Sofia Amin,  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Encik Aidil Hafiz Arifin, MDEC
- Encik Sukur Ibrahim
- Puan Norlizah Salman

#### **Tujuan Utama**

- Memberi pendedahan kepada OKU tentang peluang-peluang dalam bidang keusahawanan
- Membantu OKU menambahbaik dan memperkasa status sosio-ekonomi mereka.

#### **Objektif Program**

- Mempromosi ilmu perniagaan secara atas talian dan membantu OKU untuk mengembangkan perniagaan dengan menggunakan platform digital
- Untuk memupuk kesedaran mengenai peluang-peluang yang boleh diakses dalam bidang keusahawanan dalam kalangan OKU
- Untuk menyemai budaya keusahawanan dalam kalangan OKU
- Memperkasa taraf sosio-ekonomi OKU melalui penjanaan pendapatan perniagaan atas talian.

Program ini merupakan program kerjasama antara Institut Sosial Malaysia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Persatuan OKU Sentral dan Persatuan Orang Kelainan Upaya Putrajaya (PROCJAYA). Selain itu, program ini mendapat sokongan dari agensi yang terlibat dalam pembangunan usahawan seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia, Jabatan Tenaga

#### **Participants**

- 250 pax

#### **Panelists**

- YBrs. Dr. Aizan Sofia Amin,  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- Encik Aidil Hafiz Arifin, MDEC
- Encik Sukur Ibrahim
- Puan Norlizah Salman

#### **Main Purpose**

- Provide exposure to persons with disabilities on entrepreneurship opportunities
- Empowering persons with disabilities to improve their socio-economic status

#### **Program Objectives**

- To share knowledge of online business and help persons with disabilities to leverage digital platforms
- To cultivate awareness of opportunities that are accessible within the field of entrepreneurship with persons with disabilities
- To instill entrepreneurial mindset among persons with disabilities
- To empower persons with disabilities through online business income generation thus improving their socio-economic status

*This program is a collaboration between the Social Institute of Malaysia and Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Persatuan OKU Sentral dan Persatuan Orang Kelainan Upaya Putrajaya (PROCJAYA). Additionally, this program has garnered support from agencies involved in the development of entrepreneurs including Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia, Jabatan Tenaga*

Kerja dan People Systems Consultancy. Melalui program ini, golongan OKU dapat dihubungkan dengan agensi-agensi pembangunan usahawan yang menyediakan dana dan latihan dalam bidang keusahawanan.



*Kerja dan People Systems Consultancy. Through this program, persons with disabilities will be able to network with entrepreneurial development agencies that also provide funds and training in the field of entrepreneurship.*



## ISM SOCIAL TALK 2 : KELUARGA VS KERJAYA ISM SOCIAL TALK 2 : KELUARGA VS KERJAYA

Auditorium, Institut Sosial Malaysia  
Auditorium, Institut Sosial Malaysia

26  
November /  
November 2019

### Perasmian

**YBrs. Dr. Fazni binti Mat Ariffin**

Pengarah, Institut Sosial Malaysia

### Officiated by

**YBrs. Dr. Fazni binti Mat Ariffin**

Director, Social Institute of Malaysia

### Panel Jemputan

- YBhg. Datuk Prof. Dr. Muhaya Mohamad
- YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff

### Panelists

- YBhg. Datuk Prof. Dr. Muhaya Mohamad
- YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff

### Objektif Program

- Memberi kesedaran dan pengetahuan kepada ibu bapa tentang keseimbangan antara peranan keibubapaan dan peranan dalam kerjaya
- Mengenalpasti teknik dan aspek pengurusan masa bagi menyusun keutamaan
- Memberi peluang dan ruang kepada ibu bapa untuk menyedari kekuatan anak mereka demi kesejahteraan pembangunan fizikal dan mental.

### Program Objectives

- Provide awareness and knowledge to parents on the importance of balancing parenting roles with career
- Identify time management techniques and prioritization
- Provide opportunities and a safe space for parents to appreciate their children's strength for the sake of physical and mental well-being and development.

Program berbentuk bual bicara ini mengharmonikan konsep keluarga vs. kerjaya dalam institusi kekeluargaan di mana iaanya saling melengkapi. Kedua-dua panel banyak menekankan keperluan perubahan dalam diri agar dapat memberi impak positif kepada kerjaya dan keluarga. Panel menggunakan aktiviti praktikal seperti *muscle test* dan spiritual meter untuk mengukur dan menguji aura positif dan negatif di persekitaran bagi membuktikan kepentingan kemahiran pengurusan minda penting dalam memperkasakan institusi keluarga.

*This conversational program approach is to harmonize the balance of family vs. career as the two actually complements each other. Both panellists emphasized on the need to initiate inner change so as to positively impact family and career. Panellists used practical activities such as muscle test and spiritual meters to measure and test for positive aura or negative aura to prove that mindset management skills is important in empowering the family institution.*



# Laporan Prestasi 2019

*Performance Report 2019*

# LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

*National Population and Family  
Development Board (LPPKN)*

## **AKTIVITI-AKTIVITI LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA DAN MASYARAKAT (LPPKN)**

### **ACTIVITIES OF THE NATIONAL POPULATION AND FAMILY DEVELOPMENT BOARD (LPPKN)**

#### **JELAJAH “KITA KAN KELUARGA” “KITA KAN KELUARGA” ROADSHOW**

**5 Lokasi**  
**5 Locations**

**April-September  
April-September  
2019**

Kempen “Kita Kan Keluarga” diperluaskan kepada masyarakat menerusi siri Jelajah “Kita Kan Keluarga” (JKKK) di seluruh negara. “Kita kan Keluarga” merupakan kempen mengajak masyarakat membudayakan nilai dan semangat kekeluargaan. Semangat “Kita Kan Keluarga” ini wajar dikembangkan untuk melahirkan persekitaran sihat dan selamat ke arah kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Siri Jelajah “Kita Kan Keluarga” telah diadakan di lokasi berikut;

- i. Taman Sri Galas, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan pada 8-9 April 2019;
- ii. Pangsapuri Sri Penara, Taman Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur pada 18 Mei 2019;
- iii. Kampung Titi Kerbau, Changlun, Kedah pada 21-22 Jun 2019;
- iv. Kampung Tenglu, Mersing, Johor pada 2-3 Ogos 2019; and
- v. Kampung Kuala Tahan, Jerantut, Pahang pada 28-29 September 2019

Menerusi siri Jelajah “Kita Kan Keluarga”, LPPKN dapat menyampaikan perkhidmatan kepada pelbagai kumpulan sasar secara inklusif. Antara aktiviti pengisian jelajah adalah seperti Bual Bicara “Kita Kan Keluarga”, Sukaneka Keluarga, Pemeriksaan Kesihatan, Kembara Kaunseling, TEEN Talk, Khidmat Komuniti Keluarga, Tazkirah Keluarga Bahagia, Aktiviti pameran dan Ziarah #kitakankeluarga.

The “Kita Kan Keluarga (We Are Family)” campaign was implemented at the community level through a series of nationwide roadshows. “We Are Family” is a campaign that invites the community to nurture family values. This “We are Family” spirit needs to be developed to create a healthy and safe environment towards the well-being of the community and to ensure shared prosperity.

The “We Are Family” roadshow series was held at the following locations;

- i. Taman Sri Galas, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan on 8-9 April 2019;
- ii. Sri Penara Apartment, Taman Sri Permaisuri, Cheras, Kuala Lumpur on 18 May 2019;
- iii. Kampung Titi Kerbau, Changlun, Kedah on 21-22 June 2019;
- iv. Kampung Tenglu, Mersing, Johor on 2-3 August 2019; and
- v. Kampung Kuala Tahan, Jerantut, Pahang on 28-29 September 2019.

LPPKN provides services to various target groups during these roadshows. Among the services and activities provided are “We are Family” Street Talk, Family Sports, Health Screening, Counselling and Art Therapy, TEEN Talk, Family Community Services, Religious Program (Tazkirah), Exhibition and Home Visits.

## SEMINAR CABARAN UTAMA KEPENDUDUKAN DI MALAYSIA SEMPENA SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA SEMINAR ON POPULATION CHALLENGES IN MALAYSIA IN CONJUNCTION WITH 2019 WORLD POPULATION DAY

Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM), Kuala Lumpur  
Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM), Kuala Lumpur

11  
Julai /  
July 2019

Bersempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2019, LPPKN dengan kerjasama Unit Pengajian Kependudukan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya dan *United Nations Population Fund (UNFPA)* telah menganjurkan seminar Cabaran Kependudukan di Malaysia pada 11 Julai 2019 bertempat di Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM). Seminar yang bertemakan "25 Years of The ICPD: Accelerating The Promise" telah dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Turut dilancarkan buku **Analisis Situasi Kependudukan dan Kekeluargaan di Malaysia**. Buku berkenaan mengandungi analisis tren kependudukan pada masa kini dan pada masa akan datang, serta cabaran dalam menangani isu-isu kependudukan dan kekeluargaan di Malaysia.

In conjunction with the 2019 World Population Day, LPPKN in collaboration with the Population Studies Unit, Faculty of Economics and Administration, University of Malaya and the United Nations Population Fund (UNFPA) organised a Seminar on Population Challenges in Malaysia on 11 July 2019 at the University of Malaya Alumni Association (PAUM) Club. The seminar themed "25 Years of the ICPD: Accelerating the Promise" was officiated by YB Puan Hannah Yeoh, Deputy Minister of Women, Family and Community Development. The Deputy Minister also launched a book on '**Situational Analysis on Population and Family in Malaysia**' which provides an overview of the current and future trends of population and challenges in addressing issues of population and family in Malaysia.

## FORUM KEIBUBAPAAN KREATIF MENDEPANI CABARAN ALAF BARU SEMPENA SAMBUTAN HARI IBU BAPA PERINGKAT KEBANGSAAN 2019 CREATIVE PARENTING FORUM ADDRESSING THE NEW MILLENNIUM CHALLENGES IN CONJUNCTION WITH NATIONAL PARENT DAY CELEBRATION

Dewan Kuliah Utama, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia  
Dewan Kuliah Utama, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia

13  
Julai /  
July 2019

Bersempena dengan Sambutan Hari Ibu Bapa peringkat Kebangsaan 2019, satu Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru telah diadakan pada 13 Julai 2019 di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia. Program dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia dan CyberSecurity Malaysia ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

In conjunction with the National Parent Day Celebration, a Creative Parenting Forum Addressing the New Millennium Challenges was held on the 13 July 2019 at the Lecture Hall, Faculty of Medicine and Health Sciences, University Putra Malaysia. The programme organised in collaboration with University Putra Malaysia and CyberSecurity Malaysia was launched by YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister and Minister of Women, Family and Community Development.

Dalam majlis perasmian tersebut, YAB Timbalan Perdana Menteri menyerahkan Mock-Up Paket Kursus Keibubapaan di Tempat Kerja Sektor Swasta ‘Imbangi Keluarga dan Kerja’ melalui Skim Bantuan Latihan Tabung Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) kepada enam (6) syarikat terpilih iaitu KPJ Tawakal, Denso Malaysia, Mostwell Sdn. Bhd., Hospital Pantai Cheras, Kumpulan Media Karangkraf dan Proton Holdings Berhad. Bidang kemahiran keibubapaan (*parenting skills*) telah diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia sebagai bidang latihan berdaftar di bawah HDRF dan boleh dituntut (*claimable training*) oleh majikan yang melaksanakannya.

*The Deputy Prime Minister handed over the Mock-Up Package on ‘Work and Family Life Balance’ Parenting Course at the Work Place for Private Sectors through the Human Resources Development Fund (HRDF) Training Scheme to six (6) selected companies, KPJ Tawakal, Denso Malaysia, Mostwell Sdn. Bhd., Pantai Hospital Cheras, Karangkraf Media Group and Proton Holdings Berhad at the launching ceremony. Parenting skills has been recognized by the Ministry of Human Resources as a training skill registered under the HRDF and it is a claimable training programme by the employer who implements it.*

## **PERASMIAN PROGRAM JALINAN KASIH; 40 TAHUN MEREALISASIKAN IMPIAN LAUNCH OF JALINAN KASIH PROGRAM**

**Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur**  
**Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur**

**7**  
**September /**  
**September 2019**

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Program Jalinan Kasih 2019 pada 7 September 2019 di Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur. Program yang bertemakan 40 Tahun Merealisasikan Impian adalah yang keenam (6) dianjurkan LPPKN bertujuan meraikan ibubapa yang pernah dan masih menjadi klien Klinik Subfertiliti LPPKN.

Peserta yang hadir juga berpeluang menyertai Forum Keibubapaan dan Forum Saintifik yang diadakan serta mendapatkan maklumat berkaitan kaedah dan rawatan kesuburan yang turut dipamerkan. Beberapa orang pakar kesuburan, pakar perunding psikiatri dan genetik pediatrik telah dijemput sebagai ahli panel forum. Dalam ucapan perasmian, YAB Timbalan Perdana Menteri, berharap majikan boleh menimbangkan untuk memberi insentif atau pembiayaan khas kepada anggota yang menghadapi masalah kewangan untuk mendapatkan rawatan subfertiliti, terutamanya kepada mereka yang belum pernah menimang cahaya mata.

*YAB Dato 'Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister and Minister of Women, Family and Community Development officiated the Jalinan Kasih 2019 Programme on 7 September 2019 at the LPPKN Headquarters, Kuala Lumpur. This in the sixth Jalinan Kasih programme organised by LPPKN which aims at gathering parents who were and still are clients of LPPKN's Subfertility clinics.*

*Participants are also given the opportunity to attend the Parenting Forum and the Scientific Forum, as well as seek information on the methods and treatments of fertility. Fertility Specialists, Psychiatrists and Pediatric Genetics have been invited as the forum panels. In her opening speech, the Deputy Prime Minister, hoped that employers could consider providing special incentives or financial benefits to employees with financial difficulties to seek subfertility treatment, especially for those who never had children.*

## PELANCARAN SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2019 LAUNCH OF NATIONAL FAMILY MONTH 2019 CELEBRATION

Perkarangan Padang Bersebelahan Bangunan KPWKM, Putrajaya  
Field Next to KPWKM Building, Putrajaya

2

November /  
November 2019

Bulan November telah diisytiharkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan. Seperti lazimnya, pada setiap tahun pelbagai aktiviti kekeluargaan dianjurkan oleh pelbagai agensi dan organisasi sepanjang bulan tersebut. YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melancarkan Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan pada 2 November 2019. Majlis yang diadakan serentak dengan sambutan Hari Keluarga KPWKM bertemakan "Kita Kan Keluarga" telah menggabungkan kesemua agensi di bawah KPWKM iaitu LPPKN, JKM, JPW dan ISM.

Pelbagai acara kekeluargaan telah diadakan sepanjang program berlangsung dengan memberi ruang penglibatan kakitangan dan anggota keluarga warga kementerian. Program yang dikendalikan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan (KESKEB), KPWKM tersebut diharapkan dapat memupuk ikatan yang erat dalam kalangan warga kerja, seterusnya meningkatkan produktiviti kerja organisasi.

## SEMINAR GOOD ENOUGH PARENTING GOOD ENOUGH PARENTING SEMINAR

Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur  
Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur

5-7

November /  
November 2019

Bagi menyemarakkan aktiviti sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan pada bulan November, LPPKN telah menganjurkan seminar Good Enough Parenting (GEP) dengan kerjasama Hope Worldwide Malaysia pada 5 hingga 7 November 2019. YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah hadir bagi merasmikan program yang dilaksanakan di Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur.

*The month of November has been declared as the National Family Month. Various family activities are organized by agencies and organizations throughout the month of November every year. YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister and Minister of Women, Family and Community Development, launched the National Family Month Celebration on the 2nd of November 2019. The theme of the programme "Kita Kan Keluarga (We are Family)" was held in conjunction with the Ministry's Family Day, brought together all agencies under the Ministry of Women, Family and Community Development, that is LPPKN, JKM, JPW and ISM.*

*Various family activities were held throughout the programme with the participation of Ministry's staffs and their family members. The programme, which is organised by the Sports and Welfare Club (KESKEB) of the Ministry is expected to foster working relations among its employees thus enhancing organizational productivity.*

*In conjunction with the National Family Month celebration, LPPKN organized a Good Enough Parenting (GEP) seminar in collaboration with Hope Worldwide Malaysia from 5 to 7 November 2019. YB Puan Hannah Yeoh, Deputy Minister of Women, Family and Community Development was present to officiate this parenting programme conducted at the LPPKN Building, Kuala Lumpur.*

Bengkel GEP selama dua hari tersebut membabitkan pegawai LPPKN, JKM dan ISM yang diberi pendedahan dan panduan sebagai ibu bapa bagi memenuhi keperluan emosi anak dan mengelak situasi yang menjengkelkan dalam diri anak-anak.

*The two-day GEP workshop involved LPPKN, JKM and ISM's officers who were given exposure and guidance as parents to meet the emotional needs of children and avoiding exasperation.*

## PELANCARAN DEKLARASI KELUARGA MALAYSIA THE MALAYSIAN FAMILY DECLARATION LAUNCH

Pusat Inovasi Dan Kreativiti Global Malaysia (MAGIC), Putrajaya  
Pusat Inovasi Dan Kreativiti Global Malaysia (MAGIC), Putrajaya

25

November /  
November 2019

Majlis Pelancaran Deklarasi Keluarga Malaysia telah diadakan pada 25 November 2019 di Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MAGIC) oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Deklarasi Keluarga Malaysia (DKM) akan menjadi sebahagian daripada agenda nasional bagi mengangkat institusi keluarga sebagai tulang belakang negara selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. DKM menggariskan enam prinsip teras iaitu:

**Prinsip pertama**, memartabatkan institusi keluarga yang terdiri daripada kepelbagai generasi sebagai asas pembentukan negara yang sejahtera.

**Prinsip kedua**, memperkuuh peranan keluarga dalam pembentukan nilai murni sebagai asas perpaduan masyarakat;

**Prinsip ketiga**, memperkasa penglibatan masyarakat dalam pengukuhan sistem sokongan keluarga sejahtera;

**Prinsip keempat**, menekankan kepentingan melindungi hak dan keselamatan keluarga dalam segenap lapisan masyarakat;

**Prinsip kelima**, mendukung segala inisiatif dan menggembangkan segala sumber untuk meningkatkan pengukuhan institusi perkahwinan dan keluarga; dan

*The Malaysian Family Declaration was launched on the 25th November 2019 at the Global Center for Innovation and Creativity Malaysia (MAGIC) by the Deputy Prime Minister,YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, who is also the Minister of Women, Family and Community Development.*

*The Malaysian Family Declaration (DKM) will be part of the national agenda to uplift the family institution as the backbone of the nation in line with the goals of the Shared Prosperity Vision 2030.The DKM outlines six core principles: -*

**The first principle** is to uplift the family institution consisting of a diverse generation as the foundation to a prosperous nation;

**The second principle** is to strengthen the role of the family in inculcating noble values as the foundation of community unity;

**The third principle** is to empower community involvement in strengthening a successful family support system;

**The fourth principle** emphasises on the importance of protecting the rights and safety of families from all walks of life;

**The fifth principle** is to support all initiatives and mobilise all resources to enhance the strengthening of the marriage and family institutions; and,

**Prinsip keenam**, adalah menyokong usaha memanfaatkan penggunaan teknologi secara bijaksana bagi meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan keluarga.

Dalam majlis sama, YAB Timbalan Perdana Menteri juga turut menyampaikan Anugerah Khas Keluarga kepada pemenang. Seramai tujuh (7) orang telah menerima anugerah Khas Keluarga Malaysia bagi lima (5) kategori iaitu ibu, bapa, suami/isteri, datuk/nenek dan penjaga dan dua lagi anugerah khas juri. Pencalonan bagi anugerah ini dibuka pada 15 hingga 31 Ogos 2019 yang lalu. Penjurian bagi penerima anugerah berdasarkan pengisahan keluarga yang boleh menjadi inspirasi dan contoh kepada keluarga yang lain.

**The sixth principle** is to wisely leverage on technology to improve the quality of life and family well-being.

At the same event, the Deputy Prime Minister also presented the Special Family Awards. Seven (7) people received the Malaysian Family Special Award in five (5) categories, namely mother, father, husband/wife, grandfather/grandmother, guardian and an additional two recipients received the Special Jury Award. Nominations for these awards were opened to the public from 15 till 31 August 2019. Assessments were made based on family stories that inspire others and can be an example to other families.

## SIDANG MEDIA DIREKTORI PERKHIDMATAN KELUARGA FAMILY SERVICES DIRECTORY MEDIA CONFERENCE

Bilik Sidang Media, Bangunan Parlimen  
Bilik Sidang Media, Bangunan Parlimen

26

November /  
November 2019

LPPKN telah membangunkan **Direktori Perkhidmatan Keluarga** yang menyediakan maklumat dan panduan berkaitan khidmat sokongan berkaitan keluarga.

Lebih 200 agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) penyedia perkhidmatan seperti konsultasi perkahwinan dan perceraian, pengurusan warga emas, kemahiran keibubapaan, pengurusan kewangan keluarga, kaunseling dan terapi boleh didapati melalui platform ini boleh dilayari di laman sesawang LPPKN iaitu <http://keluarga.lppkn.gov.my/direktori>

Sidang media di parlimen oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 26 November 2019 bagi menguar-uar serta menggesa orang ramai supaya memanfaatkan inisiatif baharu tersebut yang disediakan oleh kerajaan. Maklumat Direktori Perkhidmatan Keluarga turut diedarkan kepada Ahli Dewan Rakyat di Parlimen pada 3 Disember 2019.

LPPKN has developed a **Family Services Directory** that provides information and guidance on family-related support services.

More than 200 Government agencies and Non-Governmental Organizations (NGOs) that provide services such as marriage and divorce counseling, senior citizens management, parenting skills, family financial management, counseling and therapy are available through this platform, which can be viewed on the LPPKN's website at <http://keluarga.lppkn.gov.my/direktori>

YB Puan Hannah Yeoh, Deputy Minister of Women, Family and Community Development held a press conference at the Parliament on 26 November 2019, to promote and urge the public to take advantage of this new initiative provided by the government. Information on the Family Services Directory was also distributed to the House of Representatives in Parliament on 3 December 2019.

## THE ROLE OF FATHER IN RAISING CHILDREN

### THE ROLE OF FATHER IN RAISING CHILDREN

Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur  
Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur

19

Disember /  
December 2019

LPPKN dengan kerjasama Better Dads Malaysia telah menganjurkan satu majlis perkongsian ilmu **The Role Of Father in Raising Children: An Insightful Perspective from the Man who Forgave His Son's Killer** pada 19 Disember 2019 di Dewan Besar, Bangunan LPPKN, Kuala Lumpur. Perkongsian ilmu bersama ikon Rahmah, Dr. Abdul-Munim Sombat Jitmoud berkaitan konsep kebapaan dari perspektif Islam.

*LPPKN in collaboration with Better Dads Malaysia hosted a knowledge sharing session on “The Role of Fathers in Raising Children: An Insightful Perspective from the Man who Forgave His Son’s Killer” on 19 December 2019 at the LPPKN Building, Kuala Lumpur. The Compassionate Icon (Rahmatan Lil Alamin Icon), Dr. Abdul-Munim Sombat Jitmoud shared on the concept of fatherhood from an Islamic perspective.*

# Laporan Prestasi 2019

**Performance Report 2019**



## YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

**National Welfare Foundation**



Anjung Kasih YKN  
disempu

AB DATO' DR. WAN  
REGRANA



## **ANJUNG KASIH YKN**

### **ANJUNG KASIH YKN**

**Anjung Kasih YKN** salah satu dari ‘flagship project’ YKN yang menyediakan kemudahan penginapan percuma kepada pesakit atau waris pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan. Pelbagai kemudahan lain turut disediakan untuk keselesaan penghuni termasuk surau, ruang rehat, ruang cucian dan jemuran, ruang makan, dan bilik kaunseling.

Projek ini merupakan satu pendekatan proaktif bidang “medicosocial” yang menggabungkan aspek-aspek perubatan dan khidmat sosial.

**Anjung Kasih YKN** is one of the flagship projects of YKN which offers free accommodation facilities for the use of deserving next of kin of patients who accompanied patients at the government hospital. It provides various facilities including a surau, a rest area, a washing and drying area, pantry and a counselling room.

*Anjung Kasih YKN Project is a proactive approach in medicosocial field to link aspects of medication and social service.*



Sejak diwujudkan pada tahun 2006, terdapat **12 buah Anjung Kasih** yang mampu menempatkan kapasiti 701 katil dan telah memberi manfaat kepada 75,299 penghuni yang sedang menjalani rawatan di hospital-hospital kerajaan.

*To date, there are **11 Anjung Kasih** facilities operating at government hospitals nationwide since its inception in 2006, equipped with 620 beds and have benefited more than 75,299 next of kin of patients.*

- **Anjung Kasih YKN Hospital Anjung Kasih YKN Hospital Pulau Pinang - Dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKNM pada 3 Mac 2019.**

*Anjung Kasih YKN Hospital Pulau Pinang - Officiated by YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Deputy Prime Minister and Minister of Women, Family and Community Development as the Chairman Board of Trustee YKNM on 3 March 2019.*





> **Anjung Kasih YKN Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Perak - Dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 23 November 2019.**

*Anjung Kasih YKN Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Perak - Officiated by YB Puan Hannah Yeoh, Deputy Minister of Women, Family and Community Development on 23 November 2019.*









**“Kementerian sememangnya memainkan peranan penting dalam usaha membangun dan memperkasakan penyertaan golongan wanita dan institusi kekeluargaan untuk bersama-sama mengorak langkah mencapai matlamat negara.”**

*“The Ministry plays an important role in catalyzing the empowerment of women and family institutions in order to work together to accomplish the aspirations of the country”*



**Menteri / Minister**

Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
*Ministry of Women,  
Family and Community Development*



**Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga Dan Masyarakat  
Ministry Of Women,  
Family And Community Development**

No 55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA.  
**t** +603-8000 8000 **f** +603-8323 2000 **e** info@kpwm.gov.my

[www.facebook.com/kpwm](https://www.facebook.com/kpwm)

[twitter.com/kpwm](https://twitter.com/kpwm)

**[www.kpwm.gov.my](http://www.kpwm.gov.my)**